

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang suka menyebarkan perbuatan keji (tuduhan palsu) dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab yang pedih di dunia (dengan pelaksanaan hukum had) dan di akhirat (dengan api neraka). Dan Allah mengetahui (perkara yang sebenarnya) sedangkan kamu tidak mengetahuinya".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An-Nur, ayat 19.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.34 | SUBUH 4.44 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 58 | 16 MEI 2026 / 1447 ذوالقعدة 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN RASMI KE REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Sidang Akhbar bersama Chancellor Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Angela Merkel pada 9 Jun 2011. - Foto : Jabatan Penerangan (Lihat muka 3).

Sokongan berterusan Huawei terhadap pencapaian aspirasi serta hala tuju NBD

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 14 Mei. - Lawatan Rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Supervisory Board Member, President of the Public Affairs and Communications Department, Mr. Wang Jianfeng dan Deputy CEO of Huawei International Pte. Ltd., Mr. Du Peng.

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Supervisory Board Member, President of the Public Affairs and Communications Department, Mr. Wang Jianfeng dan Deputy CEO of Huawei International Pte. Ltd., Mr. Du Peng.

Di lobi Ibu Pejabat Huawei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota mula-mula berkenan menyaksikan persembahan video yang

menunjukkan kehadiran Huawei di Negara Brunei Darussalam (NBD) sejak tahun 2003 hingga tahun 2025, termasuk sumbangan kepada kemajuan teknologi negara dalam sektor komunikasi, perhubungan dan pendidikan.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Dewan Pameran Von Neumann dan disebarkan taklimat mengenai pencapaian Huawei. DYTM melihat beberapa pameran berkaitan kerjasama Huawei dengan agensi-agensi kerajaan di NBD.

>> Muka 3

Intervensi keluarga NBD memperkukuh pemulihan, kesejahteraan sosial

■ Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mei. - Hari Keluarga Antarabangsa yang disambut pada 15 Mei setiap tahun merupakan satu inisiatif global yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menekankan peranan penting institusi keluarga dalam pembangunan sosial,

ekonomi dan budaya sesebuah negara. Negara Brunei Darussalam (NBD) turut menyambut Hari Keluarga setiap Ahad pertama dalam bulan Mei setiap tahun sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam memperkukuh institusi keluarga sebagai teras kesejahteraan rakyat dan

kestabilan negara.

Ini juga selaras dengan komitmen NBD selaku anggota ASEAN, melalui Deklarasi Bandar Seri Begawan mengenai Kepentingan Keluarga Dalam Pembangunan Masyarakat dan Pembinaan Negara 2021.

>> Muka 7



Berita Utama

ETWEEN BRUNEI FERTILIZER INDUSTRIES SDN BHD AND THE CONSORTIUM OF BANKS

25 ZULKAEDA 1447 | 13 MAY 2026



MEMBUKA jalan kerjasama masa depan dalam pembangunan industri strategik

Muka 8




MEWUJUDKAN platform pertukaran pandangan mengenai isu pembangunan sektor automotif

Muka 13



MENDUKUNG inisiatif pemakanan, kesihatan ibu, anak damit

Muka 20



MASJID Jubli Intan lambang perjalanan pemerintahan Ulii Amri, berdaulat

Muka 28

Musabaqah kebangsaan medium menyemai kecintaan terhadap kitab suci Al-Quran

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.
Assalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH wasyysukru Lillah. Dengan izin dan rahmat-Nya jua malam pertama Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini seperti juga beberapa tahun sebelumnya adalah diserikan oleh Keberangkatan Duli Tuanku yang akan mengurniakan sabda perasmianya.

Maka dengan menjunjung ampun hamba Duli Tuanku dan juga mewakili Penasihat-penasihat dan segenap peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tahun ini, dan juga rakan-rakan serta sahabat-sahabat yang mendapat giliran tahun ini menjadi penganjur bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, disertai sama oleh Data Stream Digital Sdn. Bhd. dan seterusnya sekalian Ahli-ahli Jawatankuasa Acara Majlis yang dianjurkan ini, sesungguhnya Abis Hamba Duli Tuanku dengan sepenuh hati menyebarkan

sembah junjung kasih di atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke majlis yang berkebahagian lagi berkeberkatan oleh ayat-ayat Al-Quran yang ditilawahkan dengan bacaan yang baik lalu diibrahkan iaitu diberikan kesimpulan maknanya untuk difahami dan dihayati pengajarannya.

Sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala ayat 29, Surah Shad, terjemahannya : "(Al-Quran ini ialah sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran".

Sesungguhnya musabaqah yang berkesinambungan setiap tahun ini yang mana tahun ini adalah bagi ke-68 tahun dianjurkan adalah sebahagian daripada usaha mensyiarkan Islam ugama rasmi negara sambil terus menerus menyemarakkan semangat mencintai kitab suci Al-Quran dalam jiwa setiap generasi Islam di negara kita yang tercinta Brunei Darussalam ini.

Sambil itu, ia juga berupa ruang yang sesuai untuk mengasuh bakat dan memunculkan mereka sebagai qari dan qariah yang berpotensi untuk meningkat ke tahap mutu tilawah qari dan qariah antarabangsa.

Alhamdulillah pada tahun ini, ada seramai 15 orang peserta baharu yang berjaya memasuki peringkat separuh akhir kebangsaan. Empat orang daripadanya berjaya ke peringkat akhir ini untuk

memperdengarkan bacaan mereka, bersaing dengan qari dan qariah yang telah berpengalaman tampil dalam peringkat musabaqah yang setiap tahun mencabar keterampilan masing-masing untuk mewakili negara dalam musabaqah peringkat antarabangsa.

Disembahkan seterusnya tema musabaqah tahun ini mengungkapkan kata-kata seruan Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya.

Sesungguhnya ia ditujukan kepada kita supaya akan terus menerus berusaha melaksanakan pembelajaran Al-Quran untuk memastikan generasi negara akan tetap celek Al-Quran, sesuai dengan dasar pembelajarannya melalui pendidikan formal di sekolah-sekolah, selain di masjid-masjid, balai-balai ibadah dan bahkan di rumah-rumah yang diinisiatifkan oleh ibu bapa dan keluarga untuk anak cucu mereka bahkan untuk diri mereka. Begitu juga sudah semakin berkembang minat mengikuti pembelajaran Al-Quran itu di sekolah-sekolah yang ditubuhkan dengan inisiatif pihak-pihak swasta yang khusus menjadi pusat mempelajari Al-Quran bagi sebahagian orang-orang muda dan dewasa, sama ada untuk pandai membaca dan supaya cilik Al-Quran ataupun untuk anak-anak mereka yang sedia belajar di sekolah-sekolah supaya akan segera pandai membaca Al-Quran dengan lancar.

Dalam masa yang sama adalah sesuai pembelajaran Al-Quran disertakan dengan memberikan makna ayat-ayat Al-Quran yang dibaca dan diajarkan itu. Ini boleh



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (Malam Pertama), pada Isnin, 27 April 2026 yang berlangsung di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

disesuaikan dengan peringkat-peringkat umur. Bahan untuk mengajar Al-Quran beserta memberikan makna ayat-ayat yang dipelajari sedemikian itu sudah tersedia iaitu Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, terbitan Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAHI HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	28	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.40
17	SELASA	29	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	RABU	1 ZULHIJAH	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	KHAMIS	2	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
20	JUMAAT	3	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	SABTU	4	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	AHAD	5	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 26 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	32 24 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong 31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 30 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	

Wallaahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 16 MEI 2026

Kepentingan Menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Tempatan

DI Negara Brunei Darussalam, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) memainkan peranan yang semakin penting dalam usaha diversifikasi ekonomi. Menyokong PMKS tempatan bukan sekadar tanggungjawab moral, tetapi menyumbang kepada strategi nasional untuk membantu pembinaan ekonomi yang mampan, berdaya tahan, dan inklusif.

Antara peranan penting PMKS, ialah penyumbangan kepada pengurangan kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas. Dengan memberi sokongan kepada usahawan tempatan dalam bidang seperti makanan dan minuman (F&B), kraf tangan, teknologi maklumat, dan pelancongan dalam negeri, kita membantu mewujudkan sumber pendapatan alternatif. Ini penting kerana hasil hidrokarbon bersifat terhad dan tidak boleh diperbaharui. Selain itu PMKS memupuk peluang pekerjaan untuk rakyat Brunei. Ianya membuka ruang baharu khususnya untuk belia tempatan, siswazah baru, dan usahawan yang baru mulai berkecimpung dalam perniagaan. Dengan menyokong perniagaan kecil seperti kedai makan tradisional, produk kraf tangan, dan perkhidmatan digital, kita secara langsung mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan rakyat dan meningkatkan taraf hidup komuniti.

Menyokong PMKS membantu pemeliharaan warisan dan identiti Brunei kerana kebanyakan PMKS menawarkan produk unik berasaskan budaya tempatan seperti kain tenunan Jong Sarat, produk anyaman, makanan tradisional dan produk kesihatan yang dibuat daripada tanaman tempatan seperti minyak kelapa dara. Tanpa sokongan, khazanah budaya ini mungkin hilang ditelan arus globalisasi. Membeli produk PMKS tempatan bermakna kita turut menjaga warisan bangsa untuk generasi akan datang.

Kita perlu mengamalkan budayaberbelanja di dalam negara terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk merentas sempadan. Negara-negara jiran mungkin menawarkan pelbagai pilihan barangan yang menarik pada harga yang kompetitif. Namun, kebiasaan merentas sempadan untuk berbelanja secara berlebihan menyebabkan aliran keluar wang Brunei yang besar. Setiap Dolar Brunei yang dibelanjakan di luar negara adalah satu pelaburan yang hilang untuk ekonomi tempatan. Sebaliknya, dengan mengutamakan pembelian dari PMKS tempatan kita memastikan wang tersebut kekal berputar dalam ekonomi negara, seterusnya memberi manfaat kepada perniagaan kecil dan pekerja tempatan.

Kesimpulannya, menyokong PMKS tempatan di Brunei adalah pelaburan untuk masa depan negara. Dengan membeli dari peniaga kecil, mempromosikan produk Brunei di media sosial, mengutamakan perbelanjaan di dalam negara sebelum merentas sempadan, dan memilih perkhidmatan keusahawanan tempatan, kita menyumbang kepada Wawasan 2035 untuk melahirkan rakyat yang dinamik, ekonomi yang mampan, dan budaya yang dihormati di peringkat antarabangsa. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Persekutuan Jerman

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Persekutuan Jerman

pada 18 dan 19 Mei 2026, atas undangan daripada Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.

Semasa Keberangkatan Rasmi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dijangka akan mengadakan Majlis Perjumpaan Bersama Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier, bagi membincangkan perkara-perkara yang berkepentingan bersama bagi mengesahkan semula dan memperkukuh lagi hubungan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Persekutuan

Jerman.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman dijalinan pada 1 Mei 1984. Kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama yang luas dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pertahanan, pendidikan, kesihatan, dan kerjasama teknikal.

Ini merupakan keberangkatan

keempat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman. Baginda telah mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Persekutuan Jerman pada 1998 dan juga berangkat mengadakan dua Keberangkatan Rasmi pada 2002 dan 2011.

BERANGKAT MENINGGALKAN SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Hennie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Jumaat, 15 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman petang tadi berkenan berangkat meninggalkan Shenzhen, Republik Rakyat China setelah menghadiri Lawatan Rasmi

di Republik Rakyat China pada 11 hingga 15 Mei 2026.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia

Pengiran Muda Muhammad Aiman, dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib

Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Hadir di Shenzhen Bao'an International Airport bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Director-General, Shenzhen Foreign Affairs Office, Ms.

Cao Saixian.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat, Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Rakyat China, Awangku Muhammad Saifuddin bin Pengiran Dato Paduka Haji Sallehuddin dan Isteri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta kerabat diraja berangkat meninggalkan Shenzhen, Republik Rakyat China (kanan dan kanan sekali).

Sokongan berterusan Huawei terhadap pencapaian aspirasi serta hala tuju NBD



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Ibu Pejabat Huawei (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 1

Ini termasuk gambaran keseluruhan Brunei's Sovereign AI Infrastructure framework, yang menggambarkan bagaimana ekosistem Kecerdasan Buatan (AI) negara boleh menyokong pertumbuhan ekonomi, tadbir urus, perkhidmatan rakyat dan keselamatan.

Seterusnya, inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Huawei untuk meningkatkan keseluruhan pengalaman pengajaran dan

pembelajaran dengan menyepadukan teknologi digital termaju ke dalam persekitaran bilik darjah dan kerjasama Huawei Technologies dengan Bank BIBD dalam meningkatkan keupayaan pusat data dan rangkaianannya untuk membina ekosistem perbankan yang lebih selamat, boleh dipercayai dan sedia masa hadapan; dan bagaimana teknologi yang dikuasakan AI boleh menyokong visi Brunei untuk membina sebuah negara yang lebih bijak, cekap dan mengutamakan rakyat.

DYTM juga menyertai Remote

Session antara Huawei dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), di mana DYTM telah diperkenalkan kepada para pemenang Anugerah ICT Huawei dari NBD. Seterusnya, DYTM mengadakan perjumpaan dengan Mr. Wang Jianfeng. Dalam perjumpaan tersebut, DYTM menzahirkan penghargaan atas pengatutan yang sangat baik yang dibuat di Dewan Pameran Von Neumann.

Perjumpaan menekankan kepentingan akan sokongan berterusan Huawei terhadap pencapaian aspirasi serta hala tuju

strategik NBD ke arah sebuah negara yang berdaya saing berteraskan inovasi, termasuk penglibatan UTB dalam pertandingan ICT Huawei.

Selain itu, CIPTA dan BICTA juga diketengahkan sebagai platform yang mendukung peningkatan inovasi, kreativiti dan pembangunan teknologi dalam kalangan para pelajar di NBD. Seterusnya, DYTM dijunjung menaiki kenderaan autonomi pandu sendiri iaitu Maextro S800, sebuah sedan elektrik mewah yang dilancarkan pada 2025.

DYTM kemudian berangkat meneruskan lawatan ke Huawei Flagship Store. Huawei, yang ditubuhkan pada tahun 1987, diiktiraf atas sumbangannya yang inovatif dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang menyokong pelbagai industri dalam memajukan transformasi digital.

Syarikat ini juga memainkan peranan penting dalam menyokong objektif Kerajaan Republik Rakyat China untuk membangunkan platform digital bersepadu bagi perkongsian data.

Dalam bidang pendidikan, Huawei telah memperkenalkan pelbagai penyelesaian pintar, termasuk papan hitam pintar dan sistem pembelajaran berasaskan AI yang digunakan di sekolah-sekolah di seluruh Republik Rakyat China.

Sehingga kini, Huawei terus mempertingkatkan keupayaan teknologinya dalam pembangunan 5G dan 6G yang sedang muncul serta telekomunikasi berasaskan AI dan pembuatan telefon pintar.

Di NBD, Huawei merupakan antara penyedia utama perkhidmatan telekomunikasi sejak tahun 2005. UTB turut menubuhkan Akademi Huawei sebagai platform bagi pembangunan kapasiti, latihan teknikal dan pensijilan profesional. Inisiatif ini dijangka akan terus memperkukuh kebolehpasaran graduan serta meningkatkan kesiapsiagaan tenaga kerja tempatan dalam bidang teknologi.

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Leju Robot di Shenzhen.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Ibu Pejabat Leju Robot dijunjung oleh Founder of Leju Robot, Profesor Leng Xiaokun; Chief Executive Officer (CEO) of Leju Robot, Mr. Chang Lin dan Vice President of Leju Robot, Mr. Zhendong Ke.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota terlebih dahulu menerima taklimat mengenai teknologi robotik canggih Leju Robot serta inovasi dalam automasi berasaskan Kecerdasan Buatan (AI), sebelum menyaksikan demonstrasi robotik di ruang

BERKENAN BERANGKAT KE IBU PEJABAT LEJU ROBOT



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Hennie Suliana Haji Othman

pameran yang mempamerkan aplikasi serta keupayaan terkini robotik pintar.

Leju Robot, yang ditubuhkan pada tahun 2016, merupakan pembangun dan pengeluar robot humanoid bersaiz penuh seperti KUAVO, AELOS dan

PANDO. Syarikat ini mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pengaturcaraan dan pengekodan, yang boleh menyumbang kepada penguatkuasaan kemahiran digital serta literasi teknologi dalam kalangan pelajar.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Ibu Pejabat Leju Robot di Shenzhen (atas kiri). Sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan di ibu pejabat berkenaan.

Lawatan ke Ibu Pejabat Leju Robot telah memberi peluang untuk meneliti pendekatan tadbir urus AI, termasuk penerapan teknologi tersebut dalam dasar pendidikan,

pembangunan kurikulum pintar serta penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan teknologi bagi menyokong keperluan pendidikan masa hadapan.

Kerjasama pelbagai bidang perkukuhkan perkongsian strategik dua hala



SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi menghadiri perjumpaan bersama Party Secretary of Shenzhen, Tuan Yang Terutama Jin Lei.

Semasa majlis tersebut, Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah melahirkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jin Lei atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Parti Shenzhen serta melahirkan rasa sukacita atas lawatan ke Shenzhen buat julung kalinya, di samping merakamkan penghargaan terhadap sambutan mesra dan layanan baik yang diberikan sepanjang lawatan tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda



Mahkota juga menekankan bahawa pencapaian Shenzhen dalam kemajuan teknologi dan inovasi merupakan sumber inspirasi kepada usaha pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Duli Yang

Teramat Mulia seterusnya bersabda bahawa lawatan serta taklimat di Huawei dan Leju Robot akan memberikan pengetahuan yang berharga mengenai perkembangan dalam bidang Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence -

AI), di samping membuka peluang untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China.


DYTM seterusnya menekankan bahawa hubungan erat dan berpanjangan antara NBD dan Republik Rakyat China dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pertanian, perikanan serta pertukaran antara rakyat dengan rakyat terus diperkukuhkan. Komitmen bersama kedua-dua negara dalam memperkukuhkan Perkongsian Kerjasama Strategik serta memajukan komuniti Brunei - Republik Rakyat China dengan masa depan yang dikongsi bersama turut ditegaskan semula.

Pada mengakhiri sabda, DYTM menyampaikan ucapan selamat maju jaya kepada Republik Rakyat China dalam persiapan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak APEC yang akan datang, di samping menjemput Tuan Yang Terutama Jin Lei untuk mengadakan lawatan ke NBD.

Selepas Majlis Perjumpaan, Tuan Yang Terutama Jin Lei telah menghoskan Majlis Santap Tengahari.

Majlis Perjumpaan dan Majlis Santap Tengahari tersebut berlangsung di Futian Shangri-La Hotel, Shenzhen.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menghadiri perjumpaan bersama Party Secretary of Shenzhen, Tuan Yang Terutama Jin Lei (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menghadiri Majlis Santap Tengahari selepas Majlis Perjumpaan berkenaan.



BERANGKAT TIBA DI SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Hernie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 13 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini

berangkat tiba ke Shenzhen bagi meneruskan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba di Shenzhen Bao'an International Airport, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah dijunjung oleh Director-General, Shenzhen Foreign Affairs Office, Ms. Cao Saixian.

Di Shenzhen, Duli Yang Teramat Mulia akan menghadiri Majlis Perjumpaan bersama



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat tiba ke Shenzhen bagi meneruskan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (kiri dan atas).

Party Secretary of Shenzhen, lawatan ke Leju Robot Tuan Yang Terutama Jin Lei Headquarters dan Huawei dan berangkat mengadakan Headquarters.

Berkenan berangkat ke Shenzhen



BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 13 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berangkat dari Beijing ke Shenzhen bagi meneruskan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Hadir di Beijing Capital International Airport bagi menyebarkan selamat

berangkat Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah Deputy Director General, Asian Department, Ministry of Foreign Affairs, Mr. Liang Jianjun.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat dari Beijing ke Shenzhen. Turut berangkat anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (atas dan kiri).



BERANGKAT MELAWAT SHENZHEN WOMEN AND CHILDREN'S CENTRE

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Hernie Suliana Haji Othman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Shenzhen Women and Children's Centre. Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (kiri sekali dan kiri).

satu-satunya pusat perkhidmatan kebajikan awam peringkat perbandaran yang dikhaskan untuk wanita dan kanak-kanak di Shenzhen.

Bangunan tersebut pada mulanya merupakan menara tahun 1990-an yang usang, tetapi telah diubah menjadi hab karbon rendah yang mampan.

Selaras dengan objektif negara untuk mengurangkan pelepasan karbon menjelang 2030 dan mencapai neutraliti karbon menjelang 2060, bangunan itu dipilih oleh Suruhanjaya Pembangunan dan Pembaharuan Negara sebagai salah satu projek contoh bagi revitalisasi.

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 14 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi tadi berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Shenzhen Women and Children's Centre.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul

Bolkiah. Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di pusat berkenaan dialu-alukan oleh President of the Shenzhen Women's Federation, Ms. Liu Jiachen, dan Vice President, Ms. Zang Chen.

Yang Teramat Mulia kemudiannya disembahkan mengenai latar belakang pusat tersebut oleh Vice President.

Yang Teramat Mulia kemudahan-kemudahan seperti 'WEGO' di lobi utama termasuk

skrin tandatangan digital; 'Buy42 Charity Store' di mana semua barangan di kedai tersebut adalah daripada sumbangan, dan hasil jualan digunakan untuk menyokong projek-projek kebajikan awam; 'Children's Exploration' di mana kanak-kanak berpeluang untuk memainkan pelbagai peranan profesional serta permainan interaktif; 'Shum Yip Sweet Home', tempat interaksi dengan kanak-kanak dan Penjagaan Kanak-kanak Berkualiti Tinggi; 'MG Space', pengalaman teknologi sains yang

bertujuan untuk memberi inspirasi kepada pemikiran inovatif dan penerokaan saintifik kanak-kanak; 'Babart Nature Gallery' yang menempatkan alam semula jadi dan seni semula jadi; persembahan ahli silap mata di 'Magic Space'; dan 'She and Shenzhen', sebuah galeri yang mempamerkan ketabahan wanita Shenzhen menentang norma dan menyumbang kepada transformasi Shenzhen selama ini.

Bangunan Shenzhen Women and Children's Centre ialah

NBD - Republik Singapura terus memperkukuh kerjasama pelbagai bidang



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis (atas dan atas kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Semasa kunjungan berkenaan, kedua-dua pihak menekankan hubungan dua hala yang erat antara NBD dan Republik Singapura yang terus diperkukuh melalui kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, sosial, hubungan antara rakyat dan pertukaran lawatan.

Kedua-dua belah pihak turut menyentuh Sambutan Ulang Tahun Ke-50 hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang mencerminkan hubungan rapat

dan kukuh yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Perbincangan turut menyentuh kepentingan hubungan antara parlimen dalam memahami cabaran semasa dan bertukar pandangan mengenai isu-isu berkepentingan bersama.

Turut hadir semasa kunjungan hormat berkenaan, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

جابتين فرانتشن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL ETRIK PENGUNJUN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iwah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Intervensi keluarga NBD memperkuat pemulihan, kesejahteraan sosial

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menyatakan demikian pada Perutusan bersempena dengan Hari Keluarga Antarabangsa 2026.

Tema sambutan tahun ini, kongsi Yang Berhormat, "Keluarga, Ketidaksamaan dan Kesejahteraan Kanak-Kanak" (*Families, Inequalities and Child Wellbeing*), menentang cabaran global yang semakin ketara, khususnya ketidaksamaan sosial dan cabaran ekonomi yang mempengaruhi kestabilan sesebuah keluarga seperti kebimbangan ekonomi, peningkatan kos sara hidup, serta jurang akses kepada pendidikan, perkhidmatan

kesihatan dan peluang kehidupan.

Cabaran-cabaran ini, jelas Yang Berhormat, tentunya menjejaskan keupayaan keluarga dalam menyediakan persekitaran yang positif, stabil dan kondusif untuk menyokong perkembangan kanak-kanak yang seimbang dari segi fizikal, emosi dan sosial. Oleh itu, penguatkuasaan institusi keluarga perlu dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan negara.

"Alhamdulillah, di NBD, melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif, pendekatan intervensi keluarga di negara ini semakin bersifat menyeluruh, strategik dan berfokus kepada pemulihan serta penguatkuasaan fungsi keluarga. Berdasarkan kes

keluarga yang dirujuk ke Jabatan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 2000 hingga 2025, kes yang dirujuk ke Unit Keluarga menunjukkan penurunan sebanyak 58 peratus pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada 62 kes kepada 26 kes.

"Perkembangan ini mencerminkan keberkesanan pendekatan intervensi awal, kaunseling keluarga, mediasi serta sokongan kebajikan bersasar yang membantu keluarga menangani konflik secara lebih konstruktif. Walau bagaimanapun, sebahagian kes yang masih dirujuk melibatkan isu kompleks seperti pertikaian hak penjagaan anak, nafkah dan kewangan serta masalah tempat tinggal.

"Ini menunjukkan bahawa cabaran sosioekonomi adalah antara faktor yang mempengaruhi kestabilan keluarga, dan justeru memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu merangkumi aspek sosial, ekonomi dan perundangan," ujar Yang Berhormat.

Dalam aspek kesejahteraan kanak-kanak, kes yang direkodkan turut menjadi petunjuk penting kepada keperluan untuk terus memperkuat sistem perlindungan dan sokongan keluarga. Kes kanak-kanak telah menunjukkan penurunan kepada 172 kes pada tahun 2025 berbanding 188 kes pada tahun 2024, kongsi Yang Berhormat.

Walaupun perangkaan ini, tambah Yang Berhormat, masih menuntut perhatian serius, perkembangan tersebut mencerminkan keberkesanan pelbagai usaha yang telah dilaksanakan termasuk peningkatan kesedaran masyarakat, penguatkuasaan program keibubapaan positif, intervensi awal terhadap keluarga berisiko serta kerjasama antara agensi dalam memperkuat mekanisme pemantauan dan perlindungan kanak-kanak.

"Dalam memastikan setiap kes

ditangani dengan berkesan, pendekatan yang dilaksanakan adalah berpandukan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, melalui penilaian sosial yang menyeluruh, intervensi bersepadu serta penyelarasan sokongan antara agensi, bagi memastikan persekitaran keluarga kekal stabil, selamat dan kondusif untuk perkembangan kanak-kanak secara holistik," tekan Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) sejak tahun 2012 turut menjadi wadah utama dalam penyelarasan usaha senegara untuk memperkuat nilai dan ikatan kekeluargaan. Pada tahun ini, sambutan diadakan pada 3 Mei 2026 dengan tema 'Keluargaku Harapanku' dan fokus 'Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-menghormati; Pemeduliaan (SaTu HaraPan)'.

Kongsi Yang Berhormat, pelbagai aktiviti dan inisiatif bersempena HKK 2026 telah pun dirancang sebagai usaha bersama mengukuhkan institusi keluarga dan memberikan peluang meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarga, dan orang ramai adalah digalakkan untuk menganjurkan ataupun ikut serta dalam aktiviti dan program kekeluargaan dan aktiviti / program berasaskan komuniti di peringkat keluarga masing-masing, agensi kerajaan, swasta, NGO, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, sepanjang tahun.

"Pada tahun ini, kita akan melancarkan Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029, susulan dari Pelan Tindakan sebelum ini. Melalui Pelan Tindakan ini, komitmen senegara dalam mengukuhkan institusi keluarga terus ditekan dengan memberi tumpuan kepada kedayatahan keluarga, pembangunan kapasiti keluarga, penguatkuasaan sokongan sosial dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

ekonomi serta pemantauan berasaskan indikator keberhasilan seperti Indeks Kedayatahan Keluarga (Family Resilience Index) yang akan dirangka berasaskan Indeks Kesejahteraan Keluarga ASEAN (ASEAN Family Wellbeing Index) yang sedang dibangunkan di peringkat serantau.

"Adalah diharapkan agar semua pihak sama ada dari agensi kerajaan, swasta, persatuan - persatuan, institusi-institusi, pemimpin akar umbi dan seluruh masyarakat akan terus berganding bahu dalam memastikan setiap keluarga di negara ini mendapat sokongan yang sewajarnya," terang Yang Berhormat.

Oleh itu, Yang Berhormat ingin menyeru untuk sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, agar NBD terus maju dalam suasana yang aman, makmur dan rukun damai demi raja, negara, bangsa dan ugama serta sentiasa berada di bawah perlindungan dan rahmat-Nya.

Semoga setiap keluarga di negara ini terus dikumiakan kebahagiaan, kesejahteraan dan keharmonian ke arah merealisasikan sebuah negara 'Baladatul Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

HALUAN

>> Muka 2

Tidak syak lagi pembelajaran Al-Quran sedemikian akan semakin kukuh. Dan sedemikian itu pula usaha menyebarkan kefahaman tentang ayat-ayatnya untuk mengukuhkan penghayatan ajaran ajarannya.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, Hamba Duli Tuanku sekali lagi menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Duli Tuanku. Dan Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun jika ada suruk langkah yang janggal.

Hamba Duli Tuanku seterusnya menjunjung perkenan untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan paduka adinda Duli Tuanku Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik, yang mana akan juga berangkat menyerikan Majlis Musabaqah ini pada malam keduanya, insyaaAllah, esok.

Diuucapkan terima kasih tanda penghargaan kepada sekalian peringkat jawatankuasa kerja, pihak-pihak yang menyumbang serta memberikan kerjasama dan pertolongan bagi menjayakan Majlis Musabaqah ini. Semoga kita sekalian beroleh berkat dan mendapat ampun serta reda Allah dunia akhirat.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MEMBINCANGKAN HALA TUJU STRATEGIK, MENELITI PELAKSANAAN PROGRAM, PENCAPAIAN ORGANISASI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



KAZAN, REPUBLIK TATARSTAN, PERSEKUTUAN RUSIA, Jumaat, 15 Mei. - Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Dr. Haji Azman bin Ahmad, selaku wakil Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan NBD bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Dunia Islam (ICESCO), telah menghadiri Persidangan Agung ICESCO kali Ke-15 yang diadakan di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia dari 13 hingga 14 Mei 2026.

Persidangan Agung berkenaan dirasmikan oleh Rais Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia, Tuan

Yang Terutama Rustam Minnikhanov, yang telah menyampaikan ucapan pembukaan serta mengalu-alukan kehadiran para delegasi ke kota Kazan.

Persidangan berkenaan telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada 53 Ahli Anggota ICESCO, serta Ahli Pemerhati, pertubuhan antara kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Sebagai badan pembuat keputusan tertinggi ICESCO, Persidangan Agung berkenaan menghimpunkan Negara-negara Anggota untuk membincangkan hala tuju strategik, meneliti pelaksanaan program dan pencapaian organisasi, serta meluluskan inisiatif-inisiatif masa



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa menghadiri Persidangan Agung ICESCO kali Ke-15 yang diadakan di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia dari 13 hingga 14 Mei 2026 (atas dan kiri).

hadapan dalam bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi.

Sebagai sebahagian daripada agenda Persidangan Agung, ketua-ketua delegasi turut menyampaikan Kenyataan Negara masing-masing bagi menegaskan komitmen terhadap objektif dan keutamaan ICESCO sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Strategik ICESCO 2026 hingga 2029.

Dalam kenyataannya, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) menekankan keselarasan antara Pelan Tindakan Strategik berkenaan dengan keutamaan pembangunan NBD, khususnya dalam memajukan

pendidikan bersedia masa hadapan, Kecerdasan Buatan (AI), transformasi digital, pemeliharaan budaya, pembangunan belia, serta keterangkuman sosial. Keutamaan bersama berkenaan mencerminkan aspirasi NBD dan ICESCO dalam memupuk masyarakat yang berdaya tahan, inovatif, dan berteraskan nilai.

Di samping itu, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) turut menghadiri Majlis Pembukaan 'Kazan - Cultural Capital of the Islamic World 2026' yang berlangsung di Kazan International Exhibition Centre pada Khamis, 14 Mei 2026.

Turut mengiringi Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) ke

Persidangan Agung ICESCO ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Sebelum berlangsungnya Persidangan Agung ICESCO kali Ke-15, delegasi Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) dalam kapasiti beliau sebagai Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan NBD bagi ICESCO, telah menghadiri Majlis Eksekutif ICESCO kali Ke-46 secara dalam talian pada 6 Mei 2026.

Majlis Eksekutif berkenaan memberi tumpuan kepada hal ehwal tadbir urus, pelaksanaan program, serta persiapan bagi Persidangan Agung ICESCO.

MEMBUKA JALAN KERJASAMA MASA DEPAN DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI STRATEGIK

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), institusi kewangan Islam terbesar di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah berjaya menyetujui penstrukturan dan pengaturannya kemudahan pembiayaan Islam bernilai BND500 juta untuk Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI).

Kejayaan berkenaan bukan sahaja menunjukkan kepimpinan kewangan BIBD, malah melambangkan peranannya sebagai tonggak ekonomi Islam NBD, memberikan nilai sebenar, memupuk pertumbuhan mampan, dan mewujudkan kekayaan untuk pihak berkepentingan selaras dengan prinsip Syariah.

Sebagai Mandated Lead Arranger, BIBD menerajui kerjasama dengan institusi kewangan tempatan dan antarabangsa, termasuk Baiduri Bank Sendirian Berhad (Bank Baiduri), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Bank of China, cawangan NBD (BOC Brunei).

Sehubungan dengan itu, satu majlis penyerahan dokumen perjanjian telah diadakan petang tadi di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Bandar Seri Begawan, di sini, dengan BIBD diwakili oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; manakala BFI diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski.

Hadir dan seterusnya menjadi saksi pada majlis penyerahan berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi BFI; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi BIBD.

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui; Pengarah Urusan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim; dan Pengurus Besar BOC Brunei, Dr. Li Feng; serta ahli-ahli lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pegawai dari BIBD dan BFI, Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Agensi Pelaburan Brunei, serta institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Transaksi bersejarah berkenaan menekankan manfaat luas pembiayaan Islam, memberikan nilai kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Kemudahan berkenaan mencerminkan pendekatan strategik BFI terhadap pengurusan modal serta pemenuhan komitmen jangka panjang kepada para pemegang sahamnya.

Bagi BIBD dan pihak berkepentingannya, pengaturannya yang berjaya berkenaan mengukuhkan kedudukan bank sebagai institusi Islam yang

dipercayai, menyediakan penyelesaian patuh Syariah yang menjaga nilai ekonomi sebenar, mengukuhkan perkongsian global, dan meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan melalui amalan beretika dan bertanggungjawab.

Selain peranannya sebagai Mandated Lead Arranger, BIBD juga bertindak sebagai Ejen Kemudahan (Facility Agent), yang menyelia pengurusan kemudahan berkenaan sepanjang tempohnya.

Perjanjian berkenaan menandakan permulaan perkongsian jangka panjang antara BIBD dan BFI, membuka jalan untuk kerjasama masa depan dalam menyokong pembangunan industri strategik di negara ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD menyatakan kejayaan berkenaan mencerminkan komitmen teguh kami untuk membolehkan pelaburan berimpak tinggi yang memacu pembangunan negara.

Jelasnya, sebagai rakan dalam kemajuan (*Partner in Progress*), BIBD akan terus menerajui inisiatif yang mewujudkan nilai jangka panjang untuk negara, rakyat, dan pihak berkepentingan kami.

Beliau seterusnya menekankan bahawa kejayaan pengaturannya kemudahan berkenaan menunjukkan kekuatan pembiayaan Islam dalam menyokong sektor ekonomi utama dan memajukan matlamat pembangunan jangka panjang NBD.

BIBD kekal fokus untuk menyediakan penyelesaian patuh Syariah yang memupuk pelaburan



MAJLIS penyerahan dokumen perjanjian telah diadakan dengan BIBD diwakili oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, manakala BFI diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif BFI. Hadir menjadi saksi pada majlis penyerahan berkenaan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BFI; dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi BIBD.

bertanggungjawab, mengukuhkan kedudukan negara di persada global, dan meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan melalui amalan beretika dan mampan.

Dengan menyetujui pembiayaan berkenaan, BIBD mengesahkan semula peranannya sebagai tonggak landskap kewangan Islam NBD, menyokong projek strategik

yang mengembangkan kekayaan secara bertanggungjawab dan mengukuhkan kedudukan negara dalam ekonomi global.

BIBD akan terus memacu inisiatif yang memajukan kepelbagaian ekonomi selaras dengan Wawasan Brunei 2035, sambil memupuk perkongsian kukuh dengan pemimpin industri utama.

Cuaca aktif diramalkan sehingga 18 Mei ini

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa peralihan monsun, yang lazimnya akan berterusan sehingga hujung Mei 2026.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula malam ini, 13 Mei 2026 sehingga Isnin malam, 18 Mei 2026. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan NBD, keadaan laut secara amnya berombak di paras sedikit, dengan ketinggian ombak di bawah 1.0 meter (m).

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat cuaca terkini boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneivweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather).

Menyokong pembangunan, kemajuan ADR di NBD serta rantau Borneo

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC), sempena Borneo ADR Week 2026 hari ini telah menganjurkan satu sesi perbincangan panel bertajuk 'Choosing the Right Path : Understanding ADR in Brunei Darussalam' di Hearing Room 1, BDAC.

Selaku acara utama ADR Borneo, Borneo ADR Week 2026 menghimpunkan pengamal Penyelesaian Pertikaian Alternatif (Alternative Dispute Resolution - ADR), pakar undang-undang, pembuat dasar dan pihak berkepentingan industri dari seluruh rantau ini untuk bertukar pandangan dan memperkukuh kerjasama dalam penyelesaian pertikaian.

Penyertaan BDAC mencerminkan komitmen berterusan pusat berkenaan dalam menyokong pembangunan dan kemajuan ADR di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau Borneo secara amnya.

Turut hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Pengerusi BDAC, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan ADR yang semakin meningkat dalam mendukung pengurusan pertikaian yang berkesan serta kerjasama serantau dalam menangani ekonomi global yang semakin tidak stabil.

Beliau turut menegaskan semula komitmen BDAC dalam mempertingkatkan kesedaran dan penglibatan profesional berkaitan ADR di NBD melalui latihan berterusan,



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-undang) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre

program jangka panjang serta kerjasama strategik.

Kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif L2 i-CON International dan penganjur utama Borneo ADR Week 2026, Leong Hong Kit, pada acara berkenaan mencerminkan kerjasama serantau yang kukuh serta sokongan terhadap kemajuan inisiatif ADR di Borneo.

Leong Hong Kit dalam ucapannya, mengiktiraf pendekatan konstruktif NBD dalam penyelesaian pertikaian dan menghargai peranan BDAC dalam memperkukuh kesedaran ADR, penglibatan profesional serta kerjasama serantau.

Sesi perbincangan panel melibatkan penceramah daripada badan kehakiman, sektor perundangan dan industri pembinaan. Perbincangan berkenaan menentang peranan ADR yang semakin penting dalam penyelesaian pertikaian moden dengan menyediakan alternatif yang konstruktif

dan seimbang kepada litigasi.

Selain itu, ia juga menekankan bahawa keberkesanan penyelesaian pertikaian bukan sahaja bergantung kepada keputusan akhir, tetapi juga kepada pemilihan proses yang paling sesuai pada peringkat awal, memandangkan setiap pertikaian mungkin memerlukan penjelasan, rundingan atau keputusan yang muktamad.

Wakil daripada pelbagai agensi kerajaan, industri komersial dan pembinaan serta orang ramai turut menyertai acara berkenaan secara fizikal dan dalam talian, bukan sahaja daripada domestik tetapi termasuk antarabangsa dari Malaysia dan United Kingdom.

Acara berkenaan memberikan para peserta kefahaman dan kesedaran yang lebih mendalam mengenai proses ADR, di samping menggalakkan penglibatan yang lebih meluas merentasi pelbagai sektor.



ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneivweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Brunei dan Muara berlangsung pagi tadi di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim, selaku Pengerusi Mesyuarat tersebut dalam ucapannya antara lain mengongsikan empat fokus utama Jawatankuasa Peringkat Daerah Brunei dan Muara bagi Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 iaitu Majlis Menaikkan Bendera di Daerah Brunei dan Muara; Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Peringkat Daerah Brunei dan Muara; Acara-acara sampingan seperti Pentas Malam dan Pertandingan-pertandingan Sempena Hari Keputeraan; dan Gerai-gerai Perayaan dan Pengisian Perekonomian serta Kemasyarakatan.

Tambahnya, fokus perbincangan pada hari ini adalah untuk memastikan keempat-empat bidang utama di peringkat daerah ini dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Mengenai Majlis Menaikkan Bendera di Daerah Brunei dan Muara, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara berkata, majlis ini adalah simbolik kepada bermulanya suasana perayaan di peringkat daerah, dan ia bukan sekadar upacara menaikan bendera, bahkan suatu manifestasi rasa cinta kita kepada negara dan

institusi beraja di bawah naungan falsafah Melayu Islam Beraja.

"Adalah diharapkan, melalui penglibatan yang menyeluruh ini, Majlis Menaikkan Bendera Peringkat Daerah bukan sahaja berjalan lancar, tetapi benar-benar dapat meniupkan semangat kebangsaan dan kecintaan kepada raja dan negara dalam kalangan rakyat dan penduduk di daerah ini," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya mengongsikan mengenai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Peringkat Daerah Brunei dan Muara, yang mana majlis ini merupakan kemuncak sambutan di peringkat daerah, kerana ia membawa makna yang amat mendalam di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan untuk berangkat bercemer duli, beramah mesra dengan rakyat dan penduduk.

Tambahnya, hasrat *kitani* ialah untuk memastikan majlis ramah mesra ini menampilkan persembahan padang yang tersusun, menarik dan sarat dengan mesej kesyukuran serta kecintaan kepada raja dan negara, selaras dengan semangat 80 tahun; menggambarkan penyertaan menyeluruh daripada mukim dan kampung, institusi pendidikan, badan-badan bukan kerajaan, belia dan masyarakat setempat; diurus dengan rapi dari segi kehadiran, susun tempat jemputan-jemputan dan duduk, aliran pergerakan peserta, serta keperluan logistik yang lain; dan dijayakan dengan kawalan keselamatan, kesihatan dan kawalan lalu lintas yang berkesan.

Fokus ketiga Jawatankuasa Peringkat Daerah jelasnya, ialah



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara selaku Pengerusi Mesyuarat mengongsikan empat fokus utama Jawatankuasa Peringkat Daerah Brunei dan Muara bagi Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80.

acara - acara sampingan seperti Pentas Malam dan Pertandingan - pertandingan Sempena Hari Keputeraan.

Acara-acara ini katanya, bukan sekadar hiburan, bahkan merupakan wahana penting untuk mengimarahkan suasana perayaan dengan pengisian yang berunsur keagamaan, kebudayaan dan kekeluargaan yang sihat; menjadi platform untuk mencungkil dan menonjolkan bakat belia, pelajar, kumpulan seni, serta komuniti di Daerah Brunei dan Muara; dan menyokong agenda-agenda tertentu, seperti penghayatan tulisan jawi (khat), seni budaya islam, kesedaran sivik dan perpaduan masyarakat.

"Sehubungan itu, peramba/kaola/saya amat berharap agar pengerusi-pengerusi acara sampingan yang akan dilantik nanti dapat merangka kertas cadangan atau kertas kerja bagi setiap acara dengan jelas, termasuk objektif, bentuk pengisian, sasaran peserta, anggaran kos, serta keperluan logistik; dan memastikan bahawa setiap acara sampingan mematuhi garis panduan syarak, menjaga nilai-nilai moral dan etika, serta tidak menjejaskan imej negara dan falsafah Melayu Islam Beraja," tekannya lagi.

Tambahnya, fokus keempat ialah gerai-gerai perayaan dan pengisian ekonomi serta kemasyarakatan, di mana gerai perayaan telah pun menjadi salah satu daya tarikan utama ketika

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan, khususnya di Daerah Brunei dan Muara.

Namun tegasnya, kita ingin memastikan bahawa pelaksanaannya bukan sahaja meriah, malah memberikan manfaat yang luas kepada masyarakat.

Antara perkara yang ditekankan ialah pengagihan tapak gerai yang teratur dan adil, dengan memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga kecil tempatan, termasuk kepada kalangan asnaf dan peserta program-program keusahawanan seperti inisiatif belia dan usahawan mikro; penekanan kepada aspek kebersihan, keselamatan makanan, pengurusan sisa dan susun atur gerai yang kemas dan teratur, agar persekitaran gerai perayaan kekal bersih, selesa dan kondusif; dan penyediaan ruang perniagaan yang mampu menjadi medan pemerkaasan ekonomi masyarakat, di mana peniaga-peniaga kecil dapat meraih manfaat daripada kehadiran orang ramai sepanjang tempoh perayaan.

"Di mesyuarat ini peramba/kaola/saya mengambil ucapan kesempatan untuk merakamkan/ menyembahkan menjunjung kasih/ terima kasih di atas kerjasama semua ahli jawatankuasa ke arah sama-sama menjayakan acara-acara Majlis Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun pada tahun lepas," ujarnya lagi.

Kejayaan atau kemeriahan suasana sambutan di Daerah Brunei dan Muara menurutnya, tidak syak lagi adalah berkat kerjasama dan kesungguhan semua ahli khususnya pengerusi-pengerusi dalam memastikan sambutan perayaan berjalan dengan sempurna.

Beliau seterusnya berharap, untuk sambutan 80 tahun ini, mereka semua akan dapat mengekalkan momentum yang baik ini, malah mempertingkatkan lagi mutu perancangan dan pelaksanaan, sejajar dengan kedudukan 80 tahun sebagai satu detik yang istimewa dalam sejarah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat tersebut membincangkan pembubaran dan cadangan perlantikan Jawatankuasa Perayaan dan Pengerusi Bersama Acara-acara Sampingan bagi Sambutan Perayaan pada tahun ini, di samping itu memaklumkan laporan *post mortem* acara-acara perayaan 2025 yang berlangsung pada tahun lepas.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan Format dan Aturcara Majlis Ramah Mesra Sambutan Perayaan Tahun 2026 Peringkat Daerah Brunei dan Muara.



MESYUARAT Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Tutong telah mengambil tempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

TUTONG, Khamis, 14 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Tutong diadakan pagi ini bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di

sini. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Mesyuarat didahului dengan

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

berbaca Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Aidil Sufian bin Mohammad Yassin.

Antara agenda mesyuarat tersebut ialah membincangkan mengenai persediaan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Tutong.

Mesyuarat juga membincangkan mengenai cadangan acara-acara sektoral termasuk acara-acara keagamaan, kemasyarakatan dan kesukanan serta Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam bagi

Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah Menengah seluruh Negara.

Antara tujuan lain mesyuarat tersebut diadakan adalah bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Tutong.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan jabatan kerajaan cawangan Daerah Tutong, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun

Daerah Temburong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 14 Mei. - Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Temburong telah berlangsung hari ini di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong, di sini.

Hadir mempengerusikan mesyuarat itu ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Awang Hassan Baha dalam mukadimah mesyuarat berkenaan menyatakan *post mortem* sambutan tahun lalu iaitu perayaan yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya telah berjalan dengan lancar dan jayanya hasil kerjasama, komitmen serta dedikasi semua pihak yang terlibat.

Menurutnya, kejayaan tersebut mencerminkan semangat muafakat dan kerjasama yang tinggi dalam kalangan jawatankuasa serta petugas-petugas yang telah bertungkus-lumus menayakan setiap acara yang dirancang.

Sebagaimana yang kita maklumi, jelasnya, pada tahun

lalu terdapat beberapa perubahan yang telah dilaksanakan, antaranya melibatkan pentas diraja, format sesi ramah mesra serta acara-acara keraian khususnya malam keraian dan gerai-gerai perayaan.

Perubahan-perubahan tersebut katanya, sememangnya merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan selaras dengan keperluan semasa dan penyesuaian pelaksanaan acara.

Walau bagaimanapun, ujarnya, perubahan tersebut bukanlah suatu halangan, bahkan menjadi cabaran yang berjaya dihadapi dan ditangani dengan cemerlang oleh seluruh jawatankuasa.

"Saya amat berharap agar semangat kerjasama, kesungguhan dan komitmen yang telah ditunjukkan itu akan terus dikekalkan dan dipertingkatkan lagi pada tahun ini.

"Pada pagi ini, kita akan membincangkan pelbagai perancangan serta persiapan yang akan dilaksanakan bagi memastikan sambutan tahun ini berjalan dengan lebih teratur dan sempurna.

"Segala pengalaman serta pengajaran yang diperoleh daripada pelaksanaan tahun lalu akan dijadikan panduan dan rujukan dalam memperkemas lagi aspek pengurusan dan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Temburong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, dan Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong.

pelaksanaan perayaan pada tahun ini," jelasnya.

Tambahnya lagi, terdapat beberapa perkara yang akan dikekalkan sebagaimana pelaksanaan tahun lalu, antaranya lokasi pentas diraja serta format sesi ramah mesra.

Awang Hassan Baha merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengerusi-pengerusi yang akan dilantik. Semoga dengan pelantikan tersebut, segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan akan dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi, komitmen dan sebaik-baiknya demi memastikan kejayaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari

Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 ini nanti.

Beberapa agenda yang dibincangkan di dalam permesyuaratan tersebut antaranya Penerangan mengenai Acara Perayaan Peringkat Kebangsaan dan Format Keberangkatan, Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Temburong dan

Pengerusi-pengerusi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong serta Pengerusi-pengerusi Acara Keraian Daerah Temburong bagi Tahun 2026.

Agenda kemudiannya diteruskan dengan penerangan mengenai dengan format Persembahan Khas pada tahun ini.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau dan Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili.



MESYUARAT Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait telah dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait. Hadir sama di mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat, dan Ketua Kampung Bukit Sawat - juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Sukang.

BELAIT, Khamis, 14 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Intisar, Jabatan Daerah Belait, di sini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad, yang antara lain mengongsikan dalam menyusuri kejayaan lalu, adalah tidak dinafikan bahawa terdapat

beberapa kekurangan dan kelemahan yang telah dikenal pasti.

"Tahun ini, kita mesti bangkit dengan semangat baharu, memperbaiki segala kekurangan dan memperkemas lagi segala aspek perancangan serta pelaksanaan, agar sambutan tahun ini dapat dilaksanakan dengan lebih cemerlang, tersusun dan berkesan," ujarnya.

Pemangku Pegawai Daerah Belait juga menyeru kepada semua pihak - jabatan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, para sukarelawan, serta individu yang terlibat agar terus berganding

bahu dan memperkukuhkan lagi semangat kerjasama.

"Kita mesti menjadikan sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan kali ini bukan sahaja sebagai satu acara rasmi, tetapi sebagai lambang kecintaan dan kesetiaan yang mendalam kepada Kebawah DYMM serta sebagai manifestasi perpaduan rakyat dan negara," jelas Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Semua pihak juga diseru untuk memanfaatkan setiap peluang yang ada untuk menonjolkan nilai-nilai murni masyarakat Brunei, keindahan warisan budaya serta pencapaian negara yang dibina

Daerah Belait

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

atas asas perpaduan, kestabilan, kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan itu juga, Pemangku Pegawai Daerah Belait secara rasminya membubarkan lantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Daerah Belait Tahun 2025, dan seterusnya melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Daerah Belait Tahun 2026.

Beliau menegaskan dan berharap agar Jawatankuasa Sambutan Perayaan ini serta Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja yang akan dibentuk akan dapat berusaha dengan gigih merancang semua acara-acara agar ia dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Selain itu, amat penting juga bagi jawatankuasa-jawatankuasa ini jelas Pemangku Pegawai Daerah Belait lagi untuk meneliti dengan sebaik-baiknya apa jua teguran, pandangan dan nasihat yang diberikan bagi memastikan kelancaran, kemeriahan dan kesempurnaan acara-acara pada tahun ini berjalan dengan baik, teratur dan sempurna.

Hadir sama di mesyuarat tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dari Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, selaku Ketua Kampung Bukit Sawat dan Pemangku Penghulu Mukim Sukang.

Juga hadir, ketua-ketua cawangan dan jabatan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan yang lain.

Beberapa perkara dibincangkan di dalam mesyuarat berkenaan antaranya ialah membincangkan tarikh Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait, kem-kem peserta, lokasi pintu gerbang dan acara-acara keraian.

Juga turut dibincangkan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan pentas perayaan.

BERI PENDEDAHAN TEKNIK BEKAM YANG BETUL, SELAMAT

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'



BERAKAS, Jumaat, 15 Mei. - Seramai empat peserta termasuk daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Lumapas 'B' telah menamatkan Bengkel Intensif Bekam, bertempat di Pusat Latihan

Al-Fitrah Sehat Care, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan sekali gus menyampaikan sijil kepada para peserta, Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, juga Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Bengkel dua hari berkenaan ditunjuk ajar oleh Pengasas Latihan Al-Fitrah Sehat Care, Pengiran Jasrin bin Pengiran Tuah; dan juga Awang Muhammad Nazirul Azri bin Haji Nordin.

Para peserta diterangkan mengenai beberapa perkara asas dalam kaedah berbekam antara lain merangkumi persediaan peralatan steril, pemilihan titik bekam yang tepat, memahami tahap tekanan vakum, dan mengamalkan prosedur keselamatan serta kebersihan bagi mengelakkan sebarang jangkitan.

Bekam atau *cupping* adalah kaedah perubatan alternatif tradisional yang mengeluarkan darah kotor atau bertoksik dari bawah permukaan kulit menggunakan cawan khas. Ia bertujuan untuk melancarkan peredaran darah, meredakan kesakitan otot, dan membuang angin dalam badan.

Selain itu, bekam juga sunnah dilakukan pada hari-hari ganjil



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyampaikan sijil kepada para peserta (atas). Sementara gambar kiri, para peserta diterangkan mengenai beberapa perkara asas dalam kaedah berbekam.

dalam kalendar Islam seperti 17, 19, dan 21 bulan Hijrah.

Secara praktikalnya adalah lebih afdal dilakukan ketika perut kosong atau beberapa jam selepas makan. Elakkan berbekam sejurus selepas penat bersenam atau mandi serta tidak digalakkan berbekam ketika sedang sakit tenat, demam panas, atau sedang haid bagi wanita.

Tujuan bengkel bekam berkenaan adalah untuk memberi pendedahan mengenai teknik bekam yang betul dan

selamat, di samping meningkatkan pengetahuan peserta tentang manfaat bekam dari sudut kesihatan dan kesejahteraan.

Dengan adanya bengkel berkenaan juga diharap dapat melahirkan peserta yang berkemahiran dalam bidang bekam sebagai salah satu usaha menjana pendapatan sampingan serta menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti yang bermanfaat dan berpotensi menjadi peluang keusahawanan.

Usaha memperkukuh kecintaan generasi muda terhadap Al-Quran



SEKITAR Musabaqah Membaca Al-Quran bagi Kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam (KQM) 2026 Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah (MRSB), Kampung Sungai Akar yang diadakan di masjid berkenaan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mei. - Awang Ahmad Syaahiq bin Haji Mohammad Abdullah; dan Awang Abdurrahman bin Haji Zulkaimi muncul johan keseluruhan bagi kategori masing-masing pada Musabaqah Membaca Al-Quran bagi Kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam (KQM) 2026 Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkihah (MRSB), Kampung Sungai Akar anjuran MRSB, Kampung Sungai Akar yang berlangsung di masjid berkenaan, hari ini.

Bagi Kategori 'A' Lelaki, johan disandang oleh Awang Abdurrahman bin Haji Zulkaimi, manakala naib johan pula milik Awang Kafeel 'Izzee bin Mohd. Kahlirizlam, sementara tempat ketiga ialah Awang Afi Al Amzar bin Haji Mohammad Hasannuddin.

Sementara itu bagi Kategori 'A' Perempuan, Dayang Nayyirah Rania binti Mohd. Ruzaini muncul johan, manakala Dayang Nur Aliya

Safrina binti Muhamad Nur Hijan dan Dayang Nurul Arisha Safiyah binti Muhamad Nur Hijan pula, masing-masing menduduki naib johan dan tempat ketiga.

Manakala, bagi Kategori 'B' Lelaki, johan disandang oleh Awang Ahmad Syaahiq bin Haji Mohammad Abdullah, diikuti naib johan milik Awang Muhd. Naael Al-Haqq bin Muhd. Fauzan, sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Awang Muhammad Annaqee Ar Razeen bin Mohd. Abuzer.

Bagi Kategori 'B' Perempuan pula menyaksikan Dayang Huda Hayati binti Haji Mohd. Abdullah muncul johan, diikuti oleh Dayang Nur Syifa Azzahra binti Mohd. Hamizan selaku naib johan.

Musabaqah berkenaan dianjurkan sebagai usaha memperkukuh kecintaan generasi muda terhadap Al-Quran serta memupuk keberanian dan keyakinan dalam memperdengarkan

Al-Quran di khalayak ramai.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' bagi peserta berumur enam hingga sembilan tahun yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Fatihah, Surah Al-Ikhlash, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas.

Manakala Kategori 'B' pula bagi peserta berumur 10 tahun ke atas yang membaca Surah Al-Fatihah, Surah Ad-Dhuha, Surah As-Syahr serta Surah Ar-Rahman ayat 1 hingga ayat 16.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Penaung-penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pihak masjid berharap agar program seumpama berkenaan dapat menjadi medan tarbiah dan motivasi kepada anak-anak dalam mendekati diri kepada Al-Quran di samping melahirkan generasi yang cintakan kitab suci berkenaan.

Bengkel PGGMB perkasakan pendidikan awal kanak-kanak

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mei. - Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Day Care), Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) telah mengadakan In-House Workshop, Siri I, bagi penjaga kanak-kanak di pusat berkenaan, hari ini.

Bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti berterusan PGGMB dalam usaha memperkasakan pengetahuan serta kemahiran pendidikan awal kanak-kanak.

Ia juga bertujuan untuk berkongsi kaedah penjagaan yang relevan dan terkini, menyusun pembelajaran kanak-kanak sesuai peringkat umur, serta melaksanakan penilaian pencapaian harian anak-anak untuk dikongsikan bersama ibu bapa mereka.

Seramai sembilan orang penjaga kanak-kanak dan penyelia pusat mengikuti bengkel berkenaan.

Bengkel ini diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak PGGMB dan dikendalikan oleh guru-guru (Ahli-ahli PGGMB) terdiri dari Dayang Megawati binti Haji Awang Sani dan Dayang Raziah @Mairsarah binti Haji Rapaie.

Turut hadir mengikuti bengkel tersebut ialah Yang Di-Pertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; serta Jawatankuasa Pusat Penjagaan Kanak-Kanak PGGMB.

Peserta-peserta bengkel turut menzahirkan penghargaan terhadap penganjuran bengkel berkenaan yang disifatkan sangat bermanfaat dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi menyantuni kanak-kanak pusat berkenaan.



BENKEL tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti berterusan PGGMB dalam usaha memperkasakan pengetahuan serta kemahiran pendidikan awal kanak-kanak.

DIALOG SANTAI KONGSI PENGALAMAN, PERSPEKTIF KEMAHIRAN PROFESIONAL



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

KOPI bersama Naib Canselor: Siri Alumni bertujuan untuk mengukuhkan penyediaan graduan UBD dengan memasukkan perspektif industri yang lebih besar ke dalam kurikulum universiti dan ekosistem pembangunan pelajar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), melalui Pejabat Alumni Universiti (UniALUMNI), mengadakan sesi kedua Kopi bersama Naib Canselor: Siri Alumni, menghimpunkan kumpulan baru alumni UBD untuk dialog santai dengan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sesi tersebut mengumpulkan 10 alumni daripada pelbagai latar belakang profesional, termasuk pendidikan, perbankan, sumber manusia, media dan industri kreatif, geosains, kaunseling, keusahawanan, sains data, pembangunan komuniti dan seni.

Mewakili graduan tamat pengajian dari 2011 hingga 2024, alumni berkongsi refleksi tentang perjalanan UBD mereka, laluan kerjaya, dan kemahiran serta pengalaman yang telah membentuk sumbangan mereka merentas sektor.

Format kumpulan kecil menggalakkan perbualan terbuka dan bermakna, membolehkan alumni bertukar-tukar perspektif tentang pertumbuhan profesional, pembangunan belia, kebolehpasaran, kreativiti, inovasi, dan keperluan tenaga kerja Negara Brunei Darussalam yang berkembang.

Kisah mereka menyerlahkan keluasan impak alumni UBD, daripada pemerikasaan komuniti akar umbi dan pendidikan inklusif kepada pengawasan jenayah kewangan, pengeluaran kreatif, penyelesaian tenaga dipacu data dan keusahawanan sosial.

Semasa pertemuan tersebut, Naib Canselor UBD turut menjemput alumni untuk berkongsi pandangan industri bagi

menyokong GenBESTARI, kurikulum UBD yang diperbaharui yang akan dilancarkan pada bulan September.

ia bertujuan untuk mengukuhkan penyediaan graduan UBD dengan memasukkan perspektif industri yang lebih besar ke dalam kurikulum universiti dan ekosistem pembangunan pelajar.

Alumni yang dijemput digalakkan untuk berkongsi pandangan praktikal daripada sektor masing-masing, termasuk kemahiran baru yang diperlukan oleh majikan, jurang antara persediaan akademik dan jangkaan tempat kerja, dan

peluang untuk kerjasama universiti-industri yang lebih erat.

Perbincangan itu menegaskan semula peranan penting alumni sebagai rakan strategik dalam membentuk graduan sedia masa hadapan.

Dengan menggunakan pengalaman hidup graduan merentas industri yang berbeza, UBD menyasarkan untuk memastikan tawaran akademik, pengalaman kokurikulum dan inisiatif pembangunan siswazahnya kekal responsif kepada keutamaan negara dan tuntutan landskap profesional yang berubah dengan pantas.

Pemakluman mengenai aktiviti penipuan melibatkan pemalsuan dokumen

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Kementerian Pendidikan ingin memaklumkan kepada orang ramai, khususnya para pembekal dan pemilik perniagaan, mengenai aktiviti penipuan yang melibatkan pemalsuan dokumen rasmi Pesanan Pembelian (Purchase Order - PO) serta penyamaran sebagai pegawai daripada kementerian ini.

Kementerian Pendidikan dengan ini menegaskan bahawa pengeluaran PO, permohonan pembayaran atau sebarang arahan kewangan tidak pernah dikeluarkan melalui saluran yang tidak rasmi.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang menerima permohonan, arahan pembayaran atau melalui apa jua dokumen yang meragukan adalah disarankan untuk mengesahkan kesahihannya melalui saluran perhubungan rasmi pihak Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2381133 atau +673 2384333 atau e-mel ke feedback@moe.gov.bn.

Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan tidak membuat urusan, transaksi kewangan dan tindakan lanjut tanpa pengesahan rasmi terlebih dahulu.

Sebarang unsur penipuan atau dokumen yang mencurigakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa atau pihak yang berkenaan.

Kementerian Pendidikan memandang serius terhadap sebarang percubaan menyalahgunakan identiti pihak kementerian bagi tujuan penipuan, dan menyeru mana-mana pihak yang telah menjadi mangsa skim penipuan ini atau mereka yang mempunyai maklumat berkaitan, untuk segera membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.





سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1
Format fail yang betul

PDF:
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#2
Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3
Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4
Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026
2. 'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2026
3. 'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'. Tarikh Tutup : 3 Jun 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Mewujudkan platform pertukaran pandangan mengenai isu pembangunan sektor automotif

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis di Mesyuarat Automotive Product Working Group Ke-41 (kanan). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

GADONG, Rabu, 13 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Automotive Product Working Group Ke-41 (APWG Ke-41) yang bersidang selama dua hari bermula hari ini bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Mesyuarat APWG Ke-41 berkenaan dihadiri oleh para delegasi daripada Negara-negara Anggota ASEAN, rakan-rakan dialog ASEAN dan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor automotif dan pengangkutan di peringkat serantau.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan ucapan pembukaan di mesyuarat berkenaan, Timbalan Setiausaha

Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Mesyuarat APWG merupakan platform penting bagi membincangkan perkara-perkara utama berkaitan sektor automotif, termasuk penyelarasan piawaian teknikal dan peraturan kebangsaan di rantau ASEAN dengan Peraturan-peraturan Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu, perkembangan pelaksanaan ASEAN Mutual Recognition Agreement on Automotive Product Type Approval (APMRA), perkembangan program bantuan teknikal dan peningkatan kapasiti bersama Rakan Dialog, serta



41st Meeting of the ASEAN Automotive Product Working Group
13 - 14 May 2026
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

penyediaan Pelan Kerja APWG 2026-2030. Dalam ucapan pembukaan, tetamu kehormat majlis menekankan kepentingan kerjasama serantau yang berterusan dalam memperkukuh sektor automotif ASEAN.

"Marilah kita bersama-sama, sebagai Satu Komuniti ASEAN, terus bekerjasama dalam membangunkan mekanisme yang menyokong kemajuan sektor ini, mewujudkan platform pertukaran pandangan mengenai isu-isu bersama dalam pembangunan sektor automotif, serta meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang utama antara Negara-negara Anggota ASEAN

dan bersama rakan-rakan dialog," jelasnya.

Terdahulu, sebelum berlangsungnya Mesyuarat APWG Ke-41, Mesyuarat ASEAN Automotive Committee Ke-13 (13th AAC) telah diadakan pada Selasa, 12 Mei 2026 secara hibrid, iaitu melalui penyertaan secara fizikal dan dalam talian.

Mesyuarat telah dihadiri oleh para delegasi daripada Negara-negara Anggota ASEAN termasuk NBD, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik Sosialis

Viet Nam, serta wakil daripada Sekretariat ASEAN.

Juga menyertai mesyuarat berkenaan, wakil-wakil daripada ASEAN Automotive Federation (AAF), Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism Japan (MLIT) dan Japan Automotive Standardization International Centre (JASIC).

Penganjuran Mesyuarat APWG Ke-41 dan Mesyuarat AAC Ke-13 mencerminkan komitmen berterusan NBD dalam mendukung kerjasama ASEAN dalam sektor automotif, khususnya dalam memajukan penyelarasan peraturan, kerjasama teknikal dan pembangunan pengangkutan mampan di rantau ini.

JOM MAKAN FOOD FEST MEMPERKASA USAHAWAN BELIA



TUTONG, Rabu, 13 Mei. - Jom Makan Food Fest telah dilancarkan malam tadi bertempat di Kawasan Lapang Pentas Diraja, di sini.

Acara tersebut merupakan festival makanan yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang Kawasan I dan II bersama The Occasions Company dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Tutong dan disokong oleh Jabatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Jom

Makan Food Fest ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Abdul Aziz bin Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim dan Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin selaku tetamu khas majlis.

Pelancaran pada malam itu juga diisi dengan ucapan alu-aluan daripada Penaung Acara, Ketua

Kampung RPN Bukit Beruang Kawasan I dan II, Awang Muhammad Sahan bin Mumtazali yang antara lain menjelaskan bahawa Jom Makan Food Fest tersebut diadakan selama lima hari bermula pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam.

Menurutnya, sebanyak 95 vendor yang terdiri daripada anak-anak tempatan dan 10 daripada vendor tersebut adalah terdiri daripada anak-anak kampung RPN Bukit Beruang Kawasan I dan II.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan Pengerusi Majlis,



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Jom Makan Food Fest yang diadakan di Kawasan Lapang Pentas Diraja, Tutong (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Azmah Haji Ahad

Awang Mohammad Khadafi Hanafi. Acara juga diselitkan dengan penyampaian infak dan cenderahati yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis dan menyerahkan kepada tetamu kehormat.

Infak tersebut dikhaskan kepada beberapa golongan sasaran yang telah dikenal pasti. Acara kemudian disusuli dengan menyaksikan beberapa persembahan kebudayaan daripada penyanyi tempatan dan belia-belia di bawah naungan Jabatan Belia dan Sukan Tutong.

Selain daripada vendor

makanan, juga diadakan aktiviti persembahan pada setiap malam dan juga acara kejohanan sukan iaitu Kejohanan Bola Jaring dan juga Kejohanan Mobile Legend.

Acara berkenaan merupakan sebuah inisiatif komuniti yang bertujuan mempromosikan produk makanan tempatan, memperkasa usahawan belia dan juga untuk memeriahkan Daerah Tutong khususnya.

Ia juga bertujuan untuk menyediakan platform kepada usahawan-usahawan tempatan untuk meneroka dan berdaya saing secara sihat di dalam negara.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



MEMANFAATKAN SEPULUH HARI ZULHIJJAH DENGAN AMAL YANG DICINTAI ALLAH SWT

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 27 Zulkaedah 1447H / 15 Mei 2026M

Antara amalan yang paling utama untuk dihidupkan dan dilipatgandakan sepanjang hari-hari tersebut ialah:

1 MEMPERBANYAKKAN SEMBAHYANG SUNAT

Kerana ia berperanan sebagai pelengkap dan penambal kepada kekurangan yang mungkin berlaku dalam sembahyang fardu yang kita kerjakan.



2 PUASA SUNAT

- Puasa Sunat 'Arafah, iaitu pada 9 Zulhijjah.
- Hukum puasa sunat 'Arafah adalah sunat muakkadah, iaitu sunat yang sangat dituntut, khususnya bagi mereka yang tidak menunaikan ibadat haji.



3 MEMPERBANYAKKAN ZIKIR

Dengan zikir, Allah SWT menenangkan jiwa, mengawal emosi dan membimbing kita memilih kata-kata serta tindakan yang berhemah.



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

Memanfaatkan 10 hari Zulhijah dengan amal yang dicintai Allah Subhanahu Wata'ala



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Kini kita berada di penghujung bulan Zulkaedah dan akan melangkah masuk ke bulan Zulhijah. Zulhijah merupakan bulan yang suci dan sangat istimewa sarat dengan peluang kebajikan serta limpahan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bulan Zulhijah sering dikenali sebagai bulan ibadah haji dan ibadah korban. Namun keistimewaannya tidak terhenti di situ. Bahkan, 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah adalah hari-hari yang amat agung, dipenuhi keutamaan dan kemuliaan yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Betapa istimewanya 10 hari pertama bulan Zulhijah, sehingga amalan soleh yang dilakukan di dalamnya lebih afdal berbanding amalan pada hari-hari yang lain. Bahkan, keutamaan beramal pada hari-hari tersebut disebut lebih besar daripada amalan selain jihad di jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah

bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada amal soleh yang lebih afdal daripada amal soleh pada hari-hari ini (10 hari pertama bulan Zulhijah). Para sahabat bertanya : "Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya)? Baginda menjawab : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya) kecuali seorang yang keluar berjuang dengan jiwa dan hartanya lalu dia tidak kembali dengan suatu apa pun (mati syahid)". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Hadis ini menunjukkan betapa luasnya pintu pahala pada 10 hari pertama bulan Zulhijah itu, keutamaan hari-hari ini bukan sekadar menambah bilangan amalan tetapi membina kualiti takwa iaitu ikhlas, istiqamah, berdisiplin dan rahmat. Maka kita hidupkan hari-hari ini dengan amalan-amalan yang seimbang, memperkukuhkan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memperindahkan akhlak serta memperbanyakkan ihsan kepada manusia.

Kita semua maklum bahawa 10 Zulhijah adalah Hari Raya Aidiladha, yang diisi dengan takbir, sembahyang sunat dan ibadah korban. Maka apakah amalan yang boleh kita perbanyakkan sepanjang sembilan hari pertama bulan Zulhijah sebelum tibanya hari yang mulia itu?

Antara amalan yang paling utama untuk dihidupkan dan dilipatgandakan sepanjang hari-hari tersebut ialah :

Pertama : Memperbanyakkan sembahyang sunat. Sembahyang sunat mempunyai keistimewaan kerana ia berperanan sebagai pelengkap dan penambal kepada kekurangan yang mungkin berlaku dalam sembahyang fardu yang kita kerjakan. Melalui sembahyang sunat, seorang hamba memperbaiki ibadahnya serta mendekatkan diri dengan lebih tulus kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Memandangkan 10 hari pertama bulan Zulhijah merupakan hari-hari yang mulia dan amal ibadah padanya paling disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka amalan sembahyang sunat sewajarnya diperbanyakkan sebagai tanda kesungguhan kita dalam merebut peluang keberkatan yang besar ini.

Kedua : Puasa sunat. Antara puasa sunat yang sangat dianjurkan dalam 10 hari

pertama bulan Zulhijah ialah Puasa Sunat Arafah, iaitu pada 9 Zulhijah. Hukum Puasa Sunat Arafah adalah sunnat muakaddah iaitu sunat yang sangat dituntut, khususnya bagi mereka yang tidak menunaikan ibadah haji.

Adapun bagi jemaah haji yang sedang berada di Tanah Suci, mereka disunatkan untuk tidak berpuasa pada hari Arafah, walaupun mereka berkemampuan untuk berpuasa. Hal ini bertujuan agar mereka mempunyai kekuatan fizikal dan mental untuk memperbanyakkan doa serta ibadah ketika berada di padang Arafah. Begitu juga puasa sunat ini tidak dituntut ke atas orang yang bermusafir atau orang sakit sekiranya puasa tersebut mendatangkan kesukaran dan kemudaratan kepada mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjelaskan kelebihan dan fadilat Puasa Sunat Arafah sebuah hadis daripada Abu Qatadah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Puasa Hari Arafah, aku memohon kepada Allah agar menebus dosa-dosa setahun sebelumnya serta setahun selepasnya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Hadis ini bermaksud bahawa puasa sunat pada hari Arafah menjadi sebab Allah Subhanahu Wata'ala menghapuskan dosa-dosa setahun yang telah berlaku dan setahun yang akan datang, sebagai satu bentuk ganjaran dan rahmat daripada-Nya kepada hamba yang berpuasa dengan penuh keimanan dan keikhlasan.

Ketiga : Memperbanyakkan zikir

Zikir bukan sekadar lafaz. Ia adalah benteng hati. Dengan zikir, Allah Subhanahu Wata'ala menenangkan jiwa, mengawal emosi dan membimbing kita memilih kata-kata serta tindakan yang berhemah. Dalam suasana semasa, apabila manusia mudah gelisah dan cepat marah, maka zikir menjadi ubatnya. Maka berkaitan dengan 10 hari pertama bulan Zulhijah ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya agar melipatgandakan dan memperbanyakkan zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hari-hari yang mulia ini iaitu sebagai tanda kesyukuran atas segala nikmat yang dikurniakan. Daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhuma,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada hari-hari yang lebih agung di sisi Allah serta tidak ada hari-hari di mana amalannya pada hari-hari tersebut lebih disukai oleh-Nya lebih daripada 10 hari pertama bulan Zulhijah ini. Maka perbanyakkanlah pada hari-hari itu tahlil dan takbir serta tahmid". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Inilah antara amalan yang wajar dilipatgandakan dan dihidupkan sepanjang 10 hari pertama bulan Zulhijah. Maka janganlah kita biarkan hari-hari yang mulia ini berlalu tanpa dimanfaatkan dengan sebaiknya. Dalam masa yang sama, kita terus menjaga sembahyang tepat pada waktunya, terus memperbanyakkan bacaan Al-Quran dan istighfar, memperbanyakkan sedekah walaupun sedikit kerana Allah Subhanahu Wata'ala menilai keikhlasannya, berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, memelihara silaturahim, menyantuni jiran dan mereka yang memerlukan serta menjaga akhlak dengan menahan marah, menjaga lidah dan menjauhi kata-kata yang menyakitkan.

Sesungguhnya ia adalah peluang yang sangat berharga untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggikan darjat kita di sisi-Nya. Bagi yang berkemampuan sempurnakanlah ibadah korban dengan tertib, ikhlas dan memuliakan syiar Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi yang belum mampu, jangan berasa terhalang daripada meraih pahala kerana pintu kebaikan pada hari-hari ini sangat luas.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menerima segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan, mengurniakan keberkatan, rahmat serta pertolongan-Nya kepada kita semua. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba yang tidak mensia-siakan waktu-waktu mulia yang dianugerahkan oleh-Nya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa". (Surah Ali-Imran, ayat 133)

MANGSA BENCANA TERIMA BANTUAN KEWANGAN



PEMANGKU Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kiri dan kanan).

kejadian rumah roboh.

Sementara itu, sebagai sokongan tambahan dua ketua keluarga yang terkesan akibat kejadian kebakaran telah diberikan bantuan catuan makanan.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.


Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND17,000 kepada

21 orang ketua keluarga pada majlis yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Daripada jumlah keseluruhan ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini, seramai 16 ketua keluarga adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, dua ketua keluarga adalah mangsa kebakaran, dua ketua keluarga mangsa kejadian tanah susur dan seorang ketua keluarga mangsa



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كلمة من
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

أَللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ
سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَمْ يَلَمْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقَضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

USAHA MENJAGA, MEMELIHARA KEMASLAHATAN MUALLAF



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir di majlis tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Cawangan Da'wah Daerah-Daerah mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada Peserta-peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-203 (Lelaki) dan Siri Ke-204 (Perempuan) secara serentak di keempat-empat daerah, petang tadi.

Bagi Daerah Brunei dan Muara,

majlis diadakan di Bilik Al-Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Majlis turut diisikan dengan ucapan daripada Pegawai Perkembangan Ugama selaku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji

Kamaluddin.

Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-203 (Lelaki) dan Siri Ke-204 (Perempuan) dikendalikan selama 14 hari bermula 28 April 2026 hingga 13 Mei 2026, kecuali Ahad.

Seramai 127 orang telah menyertai Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-203 (Lelaki) dan Siri Ke-204 (Perempuan).

Daripada jumlah tersebut, Daerah Brunei dan Muara mencatatkan seramai 39 peserta iaitu 20 lelaki dan 19 perempuan; Daerah Tutong seramai 40 peserta iaitu 17 lelaki dan 23 perempuan; Daerah Belait seramai 30 peserta iaitu masing-masing 15 lelaki dan 15 perempuan; manakala Daerah Temburong seramai 18 peserta iaitu sembilan lelaki dan sembilan perempuan.

Antara objektif skim ini diadakan adalah untuk memberikan bimbingan kepada para muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan Islam terutama dalam bidang aqidah, ibadah dan akhlak.

Skim berkenaan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran sahsiah yang baik. Manakala pendekatan yang dibawa adalah interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama para peserta.

Semoga dengan terlaksananya skim ini membuahkan manfaat dan kebaikan yang besar ke dalam diri para peserta supaya dapat memenuhi tuntutan agama sekali gus membimbing muallaf berbekalkan ilmu yang sarat di dada, bukan ikutan semata-mata.

Dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan muallaf, PDI menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk muallaf iaitu Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II. Kelas Bimbingan Muallaf juga dibuka secara mingguan di keempat-empat daerah di samping Program Lawatan Tarbiyah Muallaf.



Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti, iaitu syarikat dan individu yang tidak dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Alert List berkenaan dikeluarkan bagi meningkatkan kewaspadaan orang ramai dan mengelakkan salah tanggapan bahawa individu atau syarikat yang disenaraikan adalah dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List

BDCB adalah Brunei Capital Financing (FB profile) / Capital Financing BN / Pinjaman Wang Brunei / Syarikat Loan Wang Trusted.

Alert List BDCB yang telah dikemas kini boleh didapati di laman sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pengirisan wang, penukaran wang, pinjaman wang dan perkhidmatan pajak gadai.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau

individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen, sila hubungi BDCB di talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau Talian Bantuan Anti Penipuan 169930.

Memberi bimbingan dalam menghalusi, meningkatkan ilmu pengetahuan agama Islam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Rabu, 13 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Cawangan Da'wah Daerah-Daerah petang tadi mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada Peserta-peserta Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-203 (Lelaki) dan Siri Ke-204 (Perempuan) secara serentak di keempat-empat daerah.

Majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong dihadiri oleh Pegawai Ugama selaku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, PDI, Dayang Zikrinidah binti Haji Mat Dikir selaku tetamu kehormat yang juga menyampaikan sijil kepada para peserta.

Skim tersebut telah dikendalikan selama 14 hari bermula 28 April hingga 13 Mei 2026, kecuali Ahad.

Seramai 127 orang telah menyertai Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-203 (Lelaki) dan Siri Ke-204 (Perempuan). Daripada jumlah tersebut bagi Daerah Tutong seramai 40 peserta iaitu 17 lelaki dan 23 perempuan.

Antara objektif skim ini diadakan adalah untuk memberikan bimbingan kepada para muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang aqidah, ibadah dan akhlak.

Skim berkenaan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran sahsiah yang baik. Manakala pendekatan yang dibawa adalah interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama para peserta.

Semoga dengan terlaksananya skim ini membuahkan manfaat dan kebaikan yang besar ke dalam diri para peserta supaya dapat memenuhi tuntutan agama sekali gus membimbing muallaf berbekalkan ilmu yang sarat di dada, bukan ikutan semata-mata.

Dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan muallaf, PDI menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk muallaf iaitu Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Kelas Bimbingan Muallaf juga dibuka secara mingguan di keempat-empat daerah di samping Program Lawatan Tarbiyah Muallaf.



PEGAWAI Ugama selaku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan sijil kepada para peserta.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PROGRAM RAKAN MUSAAID PERKHIDMATAN AWAM TUTUP TIRAI



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Majlis Penutup Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam Kohort 3 / 2026 anjuran Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah berlangsung di Dewan Ittisal, Kampung Rimba, Gadong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, JPA, JPM, Awang Hasmiron bin Haji Mohd. Taib. Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan serta fasilitator program.

Program yang berlangsung selama enam hari, bermula 7 Mei

hingga 14 Mei 2026, telah disertai oleh seramai 23 peserta daripada pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan, antaranya JPM, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Program ini bertujuan untuk memperkasa peserta dengan pengetahuan serta kemahiran asas kaunseling dalam membantu dan memberi sokongan awal kepada warga perkhidmatan awam yang memerlukan.

Di samping itu, program ini juga berperanan dalam memperkukuh jaringan sokongan psikososial di tempat kerja melalui pendekatan sokongan rakan sebaya yang lebih berempati, profesional dan beretika.



PENGARAH Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam Kohort 3 / 2026 (atas). Sementara gambar atas kiri, program berkenaan telah disertai oleh seramai 23 peserta daripada pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan.

Sejak pelaksanaan kohort pertama hingga ketiga, program ini telah berjaya melatih seramai 76 orang penjawat awam daripada 12 buah kementerian.

Program Rakan Musaaid Perkhidmatan Awam Kohort 4 / 2026 dijangka akan diteruskan pada bulan Oktober 2026.

Majlis penutup turut diserikan dengan tayangan video sorotan aktiviti sepanjang program serta penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Melalui penganjuran program ini, Bahagian Perkhidmatan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Awam

Kaunseling, JPA terus komited dalam melahirkan penjawat awam yang lebih berdaya tahan, prihatin dan berkeupayaan dalam memberikan sokongan psikososial

secara berkesan, selaras dengan usaha memperkukuh kesejahteraan mental dan emosi dalam sektor Perkhidmatan Awam.

Sekolah Menengah Awang Semaun raikan pelajar cemerlang

■ Siaran Akhbar : Jabatan Sekolah-Sekolah Foto : Ihsan Sekolah Menengah Awang Semaun

SUNGAI KEBUN, Khamis, 14 Mei. - Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS) baru-baru ini mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik 2025 penuh gilang-gemilang yang berlangsung di dewan sekolah tersebut, bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang para pelajar serta usaha gigih tenaga pengajar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Andree mengucapkan tahniah kepada para pelajar di atas ketekunan dan keputusan cemerlang yang diperolehi.

Beliau turut menekankan bahawa sesebuah negara yang berjaya memerlukan rakyat yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, malah mempunyai akhlak yang mulia.

Beliau juga menggesa para pelajar yang masih bersekolah di SMAS pada masa ini agar memanfaatkan Unit Pendidikan Kerjaya Sekolah dengan membuat temu janji dengan para Guru Pendidikan Kerjaya Sekolah untuk merancang masa depan mereka lebih awal, terutamanya ketika dunia kini sedang beralih ke era yang didominasi oleh Kecerdasan Buatan (AI) dan transformasi digital.

Pengetua SMAS, Awang Haji Mohammad Fadhillah bin Haji Ismail telah menyampaikan anugerah kepada guru-guru Tahun 11 bagi tahun 2025.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan terhadap peningkatan ketara dalam pencapaian subjek serta jumlah kredit yang diperolehi oleh pelajar dalam mata pelajaran masing-masing.

Dr. Andree seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada pelajar-pelajar cemerlang, bagi meraikan peralihan mereka ke fasa baharu dalam perjalanan pendidikan mereka.

Pada majlis tersebut, Dayang Nur Arbaieyah binti Rosnadi, penerima anugerah pelajar terbaik keseluruhan, turut menyampaikan ucapan.

Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa, guru-guru, pentadbiran sekolah, serta rakan sebaya di atas segala sokongan yang diberikan.



KETUA Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan hadiah dan sijil kepada pelajar-pelajar cemerlang di majlis tersebut.

Memperkukuhkan kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar



PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam hadir selaku tetamu khas di Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) dengan tema 'Hari Keluarga : Meluangkan Masa Bersama Keluarga' yang telah mengambil tempat di Sekolah Arab Temburong.

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 14 Mei. - Dalam usaha memupuk minat serta memperkukuhkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar, Sekolah Arab Temburong pagi tadi mengadakan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) dengan bertemakan 'Hari Keluarga : Meluangkan Masa Bersama Keluarga', berlangsung di Sekolah Arab Temburong.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri serta memperluas penguasaan para pelajar dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab melalui pelbagai aktiviti interaktif, bermanfaat dan berkonsepkan pembelajaran menyeronokkan (*fun learning*), sekali gus membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Hadir selaku tetamu khas majlis bagi acara tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Mohammad Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Dayang Seri Kartini binti Haji Omar, selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan tayangan video pertandingan, disusuli perasmian Program Hayya 'Ilal Arabiyyah dan lawatan ke ruai (ruang) aktiviti dan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu kehormat.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) merupakan



GURU Besar Sekolah Arab Temburong semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah Arab bertujuan mengukuhkan penguasaan bahasa Arab serta memupuk semangat daya saing yang sihat dalam kalangan pelajar.

MENDUKUNG INISIATIF PEMAKANAN, KESIHATAN IBU, ANAK DAMIT



BENGKEL Pelbagai Sektor Mengenai Pembangunan Strategi MIYCN Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam 2026-2035 bertujuan mewujudkan kefahaman bersama tentang kepentingan membina persekitaran yang menyokong, melindungi dan mempromosi pemakanan ibu, anak damit dan kanak-kanak kecil.

masalah pemakanan (*double burden of malnutrition*), khususnya isu obesiti yang semakin membimbangkan di negara ini.

Bengkel ini juga bertujuan untuk mewujudkan kefahaman bersama tentang kepentingan membina persekitaran yang menyokong, melindungi dan mempromosi pemakanan ibu, anak damit dan kanak-kanak kecil.

inisiatif pemakanan dan kesihatan di NBD.

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk mendapatkan pandangan, cadangan serta input daripada pihak yang berkenaan dari pelbagai sektor dalam merangka strategi MIYCN yang berkesan dan menyeluruh untuk NBD.

Strategi berkenaan bertujuan untuk mempromosi, melindungi dan menyokong pemakanan optimum bagi ibu-ibu yang mengandung, anak damit dan kanak-kanak kecil (sehingga anak berumur lima tahun) bagi menangani beban berganda

Di samping itu, perbincangan turut tertumpu kepada penelitian serta mengenal pasti jurang (*gaps*), cabaran dan peluang dalam tindakan utama yang telah dicadangkan dalam Strategi MIYCN Kebangsaan bagi NBD 2026-2035.

Melalui bengkel ini, Kementerian Kesihatan berharap agar semua pihak berkepentingan yang berkaitan akan terus memperkukuhkan usaha secara kolektif dalam memajukan inisiatif MIYCN, seterusnya melaksanakan strategi ini melalui tindakan yang bermakna demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat NBD.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Jawatankuasa Pandu bagi Pemakanan Ibu, Bayi dan Kanak-Kanak Kecil (Maternal, Infant and Young Child Nutrition - MIYCN), Kementerian Kesihatan

hari ini menganjurkan Bengkel Pelbagai Sektor Mengenai Pembangunan Strategi MIYCN Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) 2026-2035. Bengkel tersebut

menghimpunkan wakil-wakil daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, institusi pendidikan, sektor kesihatan, pihak berkepentingan masyarakat serta rakan strategik lain bagi memperkukuhkan kerjasama pelbagai sektor dalam menyokong

SHENA adakan Kempen Derma Darah



KEMPEN Derma Darah anjuran SHENA, dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan, telah diadakan baru-baru ini bersempena dengan sambutan tahunan SHENA untuk Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

BERAKAS, Khamis, 14 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan, telah berjaya menganjurkan Kempen Derma Darah sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bertujuan menyokong kesihatan awam dan memperkukuh kesejahteraan masyarakat.

Diadakan bersempena dengan sambutan tahunan SHENA untuk Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026, inisiatif ini telah menghimpunkan warga SHENA serta orang ramai dalam usaha bersama untuk menyumbang

kepada bekalan darah negara dan membantu pesakit yang memerlukan transfusi darah bagi menyelamatkan nyawa.

Kempen ini menerima sambutan yang menggalakkan, dengan lebih daripada 30 orang tampil untuk menderma darah, mencerminkan semangat tinggi belas ihsan, perpaduan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

Selain menggalakkan kepentingan pendermaan darah, inisiatif ini turut menjadi peringatan bermakna tentang nilai keprihatinan terhadap masyarakat dan kesan besar yang boleh dicapai melalui satu tindakan yang ringkas namun penuh makna.

Acara ini juga menzahirkan komitmen berterusan SHENA

dalam memajukan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di samping memperkasa inisiatif kemanusiaan dan berorientasikan komuniti secara lebih menyeluruh.

SHENA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan, atas kerjasama yang amat dihargai serta sokongan berterusan dalam menjayakan inisiatif ini, di samping mengucapkan penghargaan kepada semua penderma yang telah menyumbang dengan penuh keikhlasan demi tujuan yang mulia ini.

Melalui inisiatif seperti ini, SHENA kekal komited dalam memupuk budaya yang menjunjung nilai keselamatan, kesihatan, keprihatinan dan kemanusiaan dalam masyarakat.

Memajukan pembangunan profesional teknikal dalam sektor binaan

■ **Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sendirian Berhad**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Seramai lebih 40 peserta dari sektor kejuruteraan, pembinaan dan infrastruktur menyertai seminar 'Geogrid Stabilization in Practice: From Temporary Works to Long-Term Infrastructure' anjuran PUJA Academy Sendirian Berhad dengan kerjasama ATH-Chevron & Tensar, bertempat di Lecture Theatre, Mutiara Exchange.

Sesi seminar disampaikan oleh Pengurus Reka Bentuk untuk Asia Timur di Tensar International Limited, Dr. Dong Ngo Huy yang berkongsi pandangan praktikal tentang aplikasi penstabilan geogrid merentas pelbagai projek kejuruteraan dan infrastruktur.

Berdasarkan pengalaman projek serantau, ceramah tersebut meneroka bagaimana penyelesaian geogrid dapat menangani cabaran geoteknikal dengan berkesan seperti subgrad yang lemah, penyelesaian berbeza dan kekangan pembinaan.

Sepanjang pembentangan, peserta diperkenalkan kepada pendekatan reka bentuk praktikal yang disesuaikan dengan keadaan tapak dan keperluan projek yang berbeza, disokong oleh kajian kes kehidupan sebenar yang menunjukkan peningkatan dalam kebolehbinaan, keselamatan dan kecekapan kos.

Seminar tersebut menyediakan pengetahuan teknikal yang berharga untuk para jurutera dan profesional pembinaan, mencerminkan komitmen berterusan Akademi PUJA untuk memajukan pembangunan profesional dan kecemerlangan teknikal dalam sektor persekitaran binaan Negara Brunei Darussalam.



SEMINAR 'Geogrid Stabilization in Practice: From Temporary Works to Long-Term Infrastructure' anjuran PUJA Academy Sendirian Berhad telah disertai oleh seramai lebih 40 peserta dari sektor kejuruteraan, pembinaan dan infrastruktur.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 012 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Manpower
For Low Voltage Remedial Works
In Bandar Seri Begawan Areas
For A Period Of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 013 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Street
Lighting Poles Statewide
For A Period Of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 019 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Manpower For Low
Voltage Remedial Works In
Sengkurong Area
For A Period Of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan dan Tajuk Tawaran
JPE / LTK / PSP / 008 / 2025

Construction Of New 66KV
Perdayan Switchyard,
Temburong District

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 16 / 26-27
Unit Realiti TV: Perkhidmatan
Penggabaran Dan Pos Produksi
(Penyuntingan) Rancangan TV
(13 Episode X 60 Minit)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 17 / 26-27
Perkhidmatan Penggabaran
Dan Penyuntingan Drama Bersiri
(13 EP X 30 Min) Dan Episod
Aidilfitri (1 EP X 60 Min), Unit
Drama TV)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 18 / 26-27
Perkhidmatan Penggabaran
Dan Penyuntingan Dua (2) Drama
Ramadan Bersiri Dan Hari Raya
Aidilfitri 2027, Unit Drama TV

Bayaran Yuran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
27 Mei 2026,
jam 2.00 Petang



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
PPN / 12 / 3 / HR / 2026 / 4 / 1
Consultancy Service To Develop
Attorney General's Chambers
(AGC) Strategic Plan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
UBD / E8 / 001 / 2026 – (T)
Renovation Works For
Inspiring Hub And Innovate Lab,
Universiti Brunei Darussalam

Kelas:
II dan Keatas

Kategori:
B01 & E01

Yuran Tawaran:
BND35.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran :**
KHEU / JPI / LTN / BT / 10 /
2026-2027
Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bot Temuai Bagi
Sekolah-Sekolah Ugama Di
Kawasan Kampong Ayer Di
Bawah Kawalan Jabatan
Pengajian Islam, Kementerian Hal
Ehwal Ugama [Keperluan Empat
(04) Buah] Bagi Tempoh Tiga (3)
Tahun, Tahun 1447H-1448H /
2026M – 2027M

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2026 – 2027 / 06 /
SPA / 04

Tajuk Sebut Harga :
Revitalization of Tamu Selera,
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
JKP / LTK / 2026-2027 / 06
To Supply And Deliver
One (1) Unit Brand New
Multipurpose Vehicle For
Tourism Development
Department

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu,
9 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 10

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For
Community – Based Tourism
Workshop In Brunei Darussalam,
9th – 11th June 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang




**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Tawaran Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA
UTAMA / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Santapan
Pagi Untuk Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Berserta Kerabat
Diraja Seramai 7 Orang Dan
Jamuan Tengah Hari Untuk Meja
Utama Seramai 49 Orang Bagi
Majlis Keberangkatan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP / F /
2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Santapan
Pagi Untuk VIP Seramai 60 Orang
Di Kediaman Rasmi Pegawai
Daerah Belait Dan Jamuan
Tengah Hari Untuk VIP Seramai
356 Orang Di Dewan Santap Bagi
Majlis Keberangkatan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F /
2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Kek Puja
Usia Bagi Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.4 / MAKANAN SECARA
BERPEK / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan
Secara Bungkus (Berpek)
Berserta Air Mineral Botol Kecil
Bagi Acara Latihan Dan Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA
BUFFET / F / 2026



Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan
Secara Bufet Bagi Acara Latihan
Dan Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F /
2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Membekalkan Air Mineral
Botol Kecil Bagi Acara Latihan
Dan Majlis Keberangkatan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.7 / JAMUAN JEMPUTAN
LUAR SANTAP / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Jamuan
Tengah Hari Untuk Jemputan
Seramai 250 Orang Di Luar
Dewan Santap Bagi Majlis
Keberangkatan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Bercemar Duli Dan
Ramah Mesra Dengan Rakyat
Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026



**Pemberitahuan Sebut Harga
Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Provision Of
Troubleshooting And Assessment
Of Existing Johnson Controls
Addressable Fire System At
Ministry Of Finance And Economy
Building, Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / UPAH / Q / 2026 – 1 (R)

Yuran Tawaran / Dokumen :
Percuma

Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu
30 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Dan Penduduk Daerah Belait
Tahun 2026

Bilangan Sebut Harga :
JDB / 5.8 / MBP (BERPEK) DAN
MBF (BUFFET) / F / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Menyediakan Makanan
Secara Bungkus (Berpek) Dan
Secara Bufet Bagi Acara
Persembahan Pentas Malam
Perayaan Dan Acara Sampingan
Sempena Sambutan Perayaan
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-80 Bagi
Daerah Belait Tahun 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 04

Kerja-Kerja Membekal, Membuka
Dan Memasang Cermin Di Dalam
Tandas Laki-Laki Dan Perempuan
(Dalam Bilik Besar) Dari
Tingkat 1 Hingga Tingkat 6 Blok
'B' Dan Tingkat 1 Blok 'C' Dan
Belakang Kantin Di Jabatan Audit,
Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Keterangan :
To replace the existing toilet mirror
including remove the existing
damaged mirror and disposed off
site:-

- a) Overall size : 1820mm (L) x
1000mm (H) – Male toilet
(level 1- 6, Block B and a toilet
behind canteen) – 7 Pcs
- b) Overall size : 3045mm (L) x
1000mm (H) – Female toilet (level
1- 6, Block B and a toilet behind
canteen) – 7 Pcs

Keterangan :
To supply and install
new toilet mirror
c/w aluminium framing,
overall size:-

- a) Overall size :- 630mm (L) x
800mm (H) Male toilet
(level 1- 6, Block B and a toilet
behind canteen) – 18 Pcs
- b) Overall size :- 630mm (L) x
800mm (H) Female toilet (level
1- 6, Block B and a toilet behind
canteen) – 28 Pcs

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
06 / JMM / S / 12 / 91
(2026/2027) - R

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Ink / Cartridge /
Toner Printer Dan Plotter Bagi
Kegunaan Di Jabatan
Muzium-Muzium

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
05 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Chopping , Uprooting,
Site Cleaning And Disposal
Of Trees In Kuala Belait And
Seria Municipal Area

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran :**
06 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Trees Trimming In
Kuala Belait
Municipal Areas

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
26 Mei 2026



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUSTL / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut, Kawasan Belait

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPN / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama PAP Norain, Tutong.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPMAMB / 2026-2027
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUK / 2026-2027

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUK / 2026-2027



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
KHEU / JPI / JKS / Y01 / 2026-2027
Membekal dan Menghantar Plak bagi Majlis Haflut Takharuj Kali Ke 2 dan Penghargaan Pelajar Cemerlang Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H / 2026M

Yuran Tawaran :
BND10.00
Tidak Dikembalikan
Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
3 Zulhijah 1447H /
20 Mei 2026M
sebelum jam 2.00 Petang



Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping)
Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Katimahar.

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H - 1447H / 2026M - 2027M

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
3 Zulhijah 1447H /
20 Mei 2026M
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :
03 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Remove Of Litters At Gerai



Perayaan Kawasan Tudung Saji Jalan Setia Diraja Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun
Peringkat Daerah Belait, Tahun 2026

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :
04 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Remove Of Litters During And After Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat At Padang Bandaran And Dewan Persidangan Kuala Belait Sempena Sambutan Perayaan



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / PEN / 001
Additional Works for the Internal and External of CQB Building, Special Force Regiment Camp, Penanjong Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
20 April 2026

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori :
KA01 & B01

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 12 Mei 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Mei 2026
2.00 Petang



Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2026

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (siti, transkrip dan pengiklanan Hujah Kelengkapan Pengiklanan Kelulusan (PKPK) yang berkesan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selarung" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Surat / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. JURUAUDIT JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/MAY/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	20 MEI 2026
2. PENGAWAS TINGKAT KHAS JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/MAY/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	23 MEI 2026
3. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT III JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/MAY/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	05	7(A)	23 MEI 2026
4. ATENDAN RUMAH KEBAJIKAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN F.2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/MAY/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	03	7(A)	23 MEI 2026
5. PENYAMBUNG KABEL JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	23 MEI 2026
6. PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	09	7(A)	23 MEI 2026

- PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PECAWAN DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 38(A) SAHAJA
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERATURAN 38(B) LUAR BIDANG KUASA:
Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. MERINYU KANAN HAL EHWAL UGAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA JABATAN HAL EHWAL SYARIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAY/03/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	38(A) LUAR BIDANG	20 MEI 2026

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH DIKEMUKAKAN MELALUI:
EMEL: Recruitment@mora.gov.bn

TINGKATKAN KESEDARAN, KEFAHAMAN MASYARAKAT MENGENAI AJARAN ISLAM



PADA sesi pertama, taklimat bertajuk 'Kefahaman Pengenalan Islam' telah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

■ Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

PULAIE, Khamis, 14 Mei. - Dua sesi taklimat utama telah mewarnai majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), hari ini, dengan tujuan memberikan kefahaman lebih mendalam mengenai ajaran Islam

serta pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah di Negara Brunei Darussalam (NBD). Seramai 33 orang peserta terdiri daripada syarikat-syarikat pelancongan dan persendirian telah menyertai Taklimat

Pengenalan Islam dan Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

Turut hadir semasa berlangsungnya sesi taklimat berkenaan ialah Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Muniyati binti Haji Abdul Aji.

Sesi pertama menampilkan Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa, yang menyampaikan taklimat bertajuk 'Kefahaman Pengenalan Islam'.

Dalam penyampaian, beliau menjelaskan bahawa Islam bukan sekadar agama, malah merupakan satu cara hidup yang menyeluruh dan menjadi panduan dalam setiap aspek kehidupan manusia.

Islam menekankan keseimbangan hubungan manusia

dengan Allah Subhanahu Wata'ala, sesama manusia dan alam sekitar demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat, ujarnya.

Awang Haji Muskrisman Safari turut menegaskan bahawa ajaran Islam dibina atas asas keimanan, ketakwaan dan akhlak mulia, di samping berperanan membentuk individu serta masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab dan saling hormat-menghormati.

Taklimat tersebut juga memperincikan kepentingan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian seperti menunaikan ibadah, menjaga hubungan sesama manusia, bersikap jujur dan amanah, serta mengamalkan nilai tolong-menolong dan kasih sayang.

Menurut beliau lagi, kesejahteraan hidup dapat dicapai melalui penghayatan ajaran Islam secara menyeluruh, di samping penerapan nilai kesabaran, keadilan, disiplin dan komunikasi yang baik dalam kehidupan harian.

Sesi kedua taklimat berkenaan pula disampaikan oleh Pegawai Perundangan Syariah, Jabatan Perundangan Islam, Awang Abdul Hadi bin Haji Yaakub, yang memberikan penerangan ringkas mengenai Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275.

Dalam taklimat tersebut, para hadirin diberikan penerangan mengenai latar belakang pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang bermula sejak tahun 2013, dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2019 dan seterusnya menjadi akta pada tahun 2024.

Taklimat turut menjelaskan bahawa undang-undang tersebut melibatkan orang Islam dan, dalam keadaan tertentu, turut melibatkan orang bukan Islam sebagaimana yang diperuntukkan oleh

undang-undang.

Beliau juga menerangkan kategori kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syariah seperti Hadd, Ta'zir, Qisas dan Diyat berserta contoh-contoh kesalahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang tersebut.

Selain itu, para hadirin turut diberikan penjelasan mengenai prinsip keadilan dalam Kanun Hukuman Jenayah Syariah termasuk syarat pembuktian yang ketat bagi memastikan hak individu sentiasa dipelihara dan setiap kes dikendalikan secara adil serta teratur.

Taklimat berkenaan turut menyentuh beberapa kesalahan lain di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syariah antaranya, kesalahan berkaitan perbuatan tidak sopan di tempat awam, menghina ajaran agama Islam, lelaki menyerupai perempuan atau sebaliknya, serta kesalahan lain yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Taklimat antara lain bertujuan memberikan kefahaman kepada para pemandu pelancongan mengenai pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah agar maklumat yang tepat dapat disampaikan kepada para pelancongan dan pengunjung yang datang ke NBD.

Dengan adanya kefahaman tersebut, para pelancongan diharap dapat memahami, mematuhi undang-undang serta menghormati nilai dan budaya tempatan sepanjang berada di negara ini.

Secara keseluruhannya, kedua-dua sesi taklimat berkenaan diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai ajaran Islam serta pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah dalam usaha memelihara keamanan, kesejahteraan dan keharmonian NBD.

Kukuhkan kerjasama industri, perdagangan, ekonomi



Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Negara Brunei Darussalam

BERAKAS, Khamis, 14 Mei. - Seramai empat usahawan tempatan mewakili Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Negara Brunei Darussalam (The National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam - NCCIBD) hari ini telah berlepas ke Republik Rakyat China untuk menyertai program seminar profesional, Seminar Pembinaan Taman Industri dan Pembangunan Ekonomi Terbuka bagi Negara-negara Rakan Belt and Road Initiative (BRI) atau Seminar on Industrial Park Construction and Open Economic Development for BRI Partner Countries yang berlangsung dari 14 hingga 27 Mei 2026.

Program tersebut adalah sebagai salah satu platform untuk memperkukuhkan kerjasama industri, perdagangan dan ekonomi antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar ialah Presiden NCCIBD, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad. Program tersebut adalah dengan sokongan Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam.

Para usahawan juga akan menyertai program pertama bertajuk 'Seminar on Industrial Park Construction and Open Economic Development for BRI Partner Countries' akan berlangsung dari 14 hingga 27 Mei 2026 di Republik Rakyat China.

Seminar tersebut dianjurkan oleh Academy for International Business Officials (AIBO) di bawah Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China bersama Economic Joint Committee of China Commercial Stock Enterprises (EJCCCSE). Program tersebut juga disertai daripada wakil Negara Anggota ASEAN dan beberapa negara membangun yang lain.

Seminar berkenaan bertujuan memberikan pendedahan lebih mendalam kepada peserta dari negara rakan BRI mengenai pembangunan taman perindustrian, dasar ekonomi terbuka, kerjasama perdagangan antarabangsa, promosi pelaburan serta integrasi ekonomi serantau.

Selain itu, para peserta juga dijangka mengadakan sesi pertukaran pandangan bersama pakar industri, wakil kerajaan dan perusahaan di Republik Rakyat China bagi memahami model pembangunan ekonomi moden serta ekosistem pelaburan negara tersebut.

Sementara itu, kumpulan kedua yang terdiri daripada empat lagi delegasi Brunei akan menyertai Seminar on Trade Promotion and Investment Cooperation for Developing Countries yang dijadual berlangsung dari 27 Mei hingga 9 Jun 2026 bersama delegasi dari rantau ASEAN dan negara peserta lain.

Dalam ucapan semasa majlis pelepasan tersebut, NCCIBD menekankan kepentingan penglibatan antarabangsa dan

PRESIDEN Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri Negara Brunei (The National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam - NCCIB) Darussalam Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada empat usahawan tempatan yang akan mewakili NCCIB di seminar di Republik Rakyat China.

pertukaran ilmu secara berterusan dalam memperkukuhkan ekosistem keusahawanan di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), membuka peluang perdagangan baharu serta meningkatkan keupayaan perniagaan tempatan untuk menembusi pasaran serantau dan global.

Sebagai ahli majlis dan wakil komuniti perniagaan Brunei, para delegasi harap dapat membantu memperkukuhkan hubungan ekonomi dua hala, di samping membawa pulang pengetahuan dan pengalaman praktikal yang dapat menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

NCCIBD turut merakamkan penghargaan kepada Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam atas sokongan dan kerjasama berterusan dalam menyediakan peluang pembangunan profesional kepada usahawan tempatan melalui kerjasama strategik bersama institusi dan organisasi Republik Rakyat China.

Sejak beberapa tahun kebelakangan, NCCIBD giat memperkukuhkan kerjasama dengan pelbagai organisasi perdagangan dan perniagaan China melalui memorandum persefahaman, pertukaran perdagangan dan penyertaan seminar, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada usahawan Brunei untuk meluaskan rangkaian, meningkatkan pengetahuan perniagaan serta meneroka kerjasama pelaburan bersama China.

Permohonan Sijil Halal Syarikat R.M.S Ice Cream Venture diluluskan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah ingin memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal Jabatan berkenaan telah menerima permohonan Sijil Halal bagi Syarikat R.M.S Ice Cream Venture beralamat No. 4, Simpang 1092, Kampung Kilanas, Jalan Tutong, BF2520, Negara Brunei Darussalam.

Permohonan tersebut melibatkan empat buah kenderaan bernombor pendaftaran BAH5898, BA750, BAB1350 dan BAJ5877.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah seterusnya telah melaksanakan pengauditan terhadap syarikat berkenaan dan mendapati premis tersebut telah memenuhi segala keperluan dan syarat pensijilan

yang ditetapkan termasuk melaksanakan penyertuan.

Sehubungan dengan itu, pihak KHEU ingin memaklumkan bahawa Majlis Ugama Islam Brunei telah mengesahkan permohonan Sijil Halal bagi Syarikat R.M.S Ice Cream Venture diluluskan mulai bulan Mac 2026 setelah memenuhi semua keperluan dan syarat Pensijilan Halal yang ditetapkan.

Di samping itu juga, KHEU ingin menasihatkan semua pemegang Sijil Halal dan Permit Majlis Ugama Islam Brunei di negara ini supaya sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-syarat Pensijilan Halal yang telah ditetapkan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan status Sijil Halal bolehlah melayari laman sesawang rasmi KHEU: www.mora.gov.bn.

MEMUPUK KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN DALAM KALANGAN PELAJAR



PROGRAM Jerayawara Taklimat Hal Ehwal Kebersihan dan Penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, Penggal 30 oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah diteruskan ke sekolah-sekolah menengah bagi kali kedua pada tahun ini (atas kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) melalui Bahagian Penguatkuasaan telah meneruskan Program Jerayawara Taklimat Hal Ehwal Kebersihan dan Penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian, Penggal 30, sebagaimana yang dipinda pada tahun 2021, ke sekolah-sekolah menengah bagi kali kedua pada tahun 2026. Program ini merupakan salah satu usaha berterusan jabatan dalam memupuk kesedaran mengenai kepentingan menjaga

kebersihan serta mendidik generasi muda mengenai tanggungjawab bersama dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih, teratur dan selesa.

Antara sekolah yang terlibat dalam siri taklimat tersebut ialah Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam pada 9 April 2026, Sekolah Menengah

Menglait pada 11 April 2026 dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin pada 18 April 2026.

Taklimat berkenaan memberi penekanan kepada kepentingan menjaga kebersihan daripada aspek agama, nilai kemasyarakatan dan tanggungjawab bernegara.

Para pelajar juga diberikan pendedahan mengenai peruntukan

undang-undang berkaitan kesalahan membuang atau melonggokkan sampah di tempat awam serta tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

Melalui program ini, JBBSB berharap agar kesedaran mengenai kebersihan dapat dipupuk sejak di bangku sekolah, sekali gus melahirkan generasi muda yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.

Pihak JBBSB turut menekankan bahawa usaha menjaga kebersihan memerlukan kerjasama semua pihak, termasuk orang ramai, institusi pendidikan, agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat setempat.

Aduan atau maklumat berkaitan isu kebersihan boleh disalurkan melalui Talian Darussalam 123, aplikasi WhatsApp menerusi talian +673 8333123, e-mel info@123.gov.bn atau Bahagian Penguatkuasaan JBBSB menerusi talian +673 7291122.

BVAC raih kejayaan dalam Borneo Street Autoshow

Berita dan Foto : Ihsan B'Volks Aircooled Club

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Dalam satu pencapaian membanggakan, ahli-ahli B'Volks Aircooled Club (BVAC) berjaya meraih kesemua lima tempat teratas bagi Kategori Best Classic, Kategori Retro, Kategori Oldschool di Borneo Street Autoshow yang berlangsung di Dewan Bandaraya Miri pada baru-baru ini. Dengan penyertaan lebih 150 buah

kenderaan, acara berkenaan meraikan kepelbagaian automotif tempatan di Borneo.

Volkswagen Beetle klasik milik ahli-ahli kelab dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dihasilkan antara 1964 hingga 1971 berjaya menarik perhatian para juri menerusi penjagaan rapi serta perhatian terhadap setiap perincian kenderaan yang dipamerkan.

Pemenang tempat pertama diraih oleh Naib Presidennya, Awang Haji Rosli bin Haji Md. Daud bersama Volkswagen 1971 miliknya yang berada dalam keadaan amat sempurna.

Beliau berasa amat bersyukur atas pengiktirafan berkenaan.

"Pencapaian ini bukan sahaja untuk saya, malah untuk seluruh komuniti Volkswagen klasik di NBD. Saya berharap dapat melihat lebih banyak Beetle berada di jalan raya, sekali gus



LIMA tempat teratas bagi Kategori Best Classic, Kategori Retro, Kategori Oldschool di Borneo Street Autoshow telah diraih oleh ahli-ahli B'Volks Aircooled Club.

memelihara warisan kenderaan klasik serta menambah keterujaan dan inspirasi kepada generasi muda," ujarnya lagi.

Manakala pemenang tempat kedua milik Simon Keller yang mempamerkan Volkswagen Beetle 1964, sementara tempat ketiga

dimenangi oleh Awang Hazrin bin Haji Tusof.

Bagi pemenang tempat keempat dan kelima bagi Kategori Best Classic pula, masing-masing milik Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd. Hassan; dan Awang Haji Sabudin bin Ahmad.



Lelaki dikehendaki bantu siasatan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga tempatan yang dikehendaki bagi membantu siasatan.

Lelaki berkenaan ialah Noorshariffuddin bin Matsalleh, berusia 40 tahun, dengan nombor Kad Pintar 01-080985 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai lelaki berkenaan, sila hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau



NOORSHARIFFUDDIN bin Matsalleh, 40 tahun, nombor Kad Pintar 01-080985 (K).

mana-mana balai polis berdekatan.

2 lelaki warga tempatan didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda terhadap dua lelaki warga tempatan kerana memiliki vape, e-Rokok, jus vape dan rokok pelbagai jenis produk dan aksesori vape tanpa kebenaran.

Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahrin menjatuhkan hukuman terhadap (D1) Muhammad Asnawi bin Zaini, 27 tahun dan (D2) Mohammad Aiman Shazni bin Sazali, 22 tahun masing-masing di denda berjumlah BND163,318 atau 40 bulan pemenjaraan dan BND118,650 atau 20 bulan pemenjaraan jika gagal

membayar keseluruhan denda tersebut.

Pendakwa Raya Kastam mendedahkan bahawa D1 ditahan oleh Pegawai Pegawai Pemeriksa Kastam Pos di Bahagian Ketibaan Kawalan Sungai Tujoh Kuala Belait pada 23 Julai 2024 pada pukul 7.50 malam dan D2 ditahan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Rumah Perpindahan Rimba Gadong pada 12 November 2024 pada pukul 2.38 petang.

Kedua-dua defendan itu didakwa mengikut Seksyen 146(1) (d) Perintah Eksais 2006 kerana pemilikan tanpa kebenaran barang berkaitan vape.

Kedua-dua defendan telah dijatuhkan hukuman seperti berikut iaitu pertuduhan pertama, D1 telah dijatuhkan hukuman

denda mahkamah sebanyak BND38,168 atau 14 bulan pemenjaraan; pertuduhan kedua, D1 dan D2 telah dijatuhkan hukuman denda mahkamah sebanyak BND118,650 setiap seorang atau 20 bulan pemenjaraan.

Manakala pertuduhan ketiga, D1 telah dijatuhkan hukuman denda mahkamah sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemenjaraan dan pertuduhan keempat, D1 telah dijatuhkan hukuman denda mahkamah sebanyak BND1,500 atau satu bulan pemenjaraan.

Kesemua barang yang terlibat iaitu vape, e-Rokok, jus vape dan rokok pelbagai jenis dihukum rampas untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan pelupusan.

Manakala wang tunai berjumlah BND4,906 serta sebuah kenderaan yang terlibat dihukum rampas kepada kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

SENTIASA PANTAU HAL EHWAL KEBAJIKAN PEKERJA

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

BELAIT, Rabu, 13 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh, Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Usai 110 / 2026 dan Operasi Usai 111 / 2026 di kawasan Pekan Seria dan Pekan Kuala Belait pada 4 Mei 2026 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Jabatan Buruh melalui pemeriksaan pertama yang

dijalankan ke atas sebuah kedai makan telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap sejumlah dua pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut iaitu Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan Bab 112 (2), kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing iaitu seorang pekerja asing berjawatan

pembantu dapur membuat pekerjaan memasak.

Pemeriksaan kedua yang dijalankan ke atas sebuah pejabat syarikat di kawasan Pekan Belait telah mendapati sebanyak empat kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap sejumlah empat pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut iaitu Bab 39, gagal membayar gaji pekerja dan bayaran lebih masa; Bab 44, membuat pemotongan gaji pekerja yang tidak dibenarkan; Bab 72, gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan Bab 112(2), melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing iaitu menyalahi dari segi penempatan pekerja.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit



OPERASI Usai 110 / 2026 dan Operasi Usai 111 / 2026 yang telah dijalankan di kawasan Pekan Seria dan Pekan Kuala Belait baru-baru ini mendapati beberapa kesalahan, pemeriksaan pertama dijalankan ke atas sebuah kedai makan, manakala pemeriksaan kedua dijalankan ke atas sebuah pejabat syarikat (atas dan bawah).


yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak perkhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Sentiasa waspada kes penipuan di media sosial, WhatsApp

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



Tangkapan skrin (screenshot) dari perbualan sebenar dan dokumen yang dipalsukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai peningkatan trend kes penipuan yang melibatkan jual beli kenderaan dan telefon bimbit melalui ruang jualan Facebook (Marketplace) serta kes penipuan pembekalan barangan kepada agensi kerajaan menggunakan dokumen rasmi yang dipalsukan.

Bagi kes penipuan jual beli dalam talian, PPDB menerima laporan daripada pembeli dan penjual yang telah ditipu oleh suspek yang mengiklankan kenderaan dan telefon bimbit melalui media sosial.

Suspek menggunakan gambar kenderaan dan telefon bimbit yang diambil daripada akaun media sosial penjual asal tanpa pengetahuan mereka. Bagi melancarkan penipuan, suspek menggunakan akaun bank milik orang lain bagi menerima pembayaran daripada pembeli dengan alasan wang tersebut akan dipindahkan kepada penjual asal setelah urusan jual beli selesai.

Namun demikian, penjual tidak menerima sebarang pembayaran dan pembeli pula tidak menerima barangan yang dijanjikan.

Bagi kes penipuan pembekalan kepada agensi kerajaan pula, suspek menghubungi mangsa melalui telefon bimbit atau aplikasi WhatsApp untuk membuat tempahan barangan atas nama projek atau acara kerajaan.

Bagi meyakinkan mangsa, suspek menghantar dokumen seperti pesanan belian (*Purchase Order*), surat rasmi atau tender yang mengandungi logo, cop dan tandatangan agensi kerajaan yang telah dipalsukan.

Suspek turut mengarahkan mangsa membuat pembayaran kepada syarikat-syarikat lain yang tidak dikenali bagi memenuhi keperluan tempahan tersebut dan ini merupakan punca kerugian yang dialami oleh sebahagian syarikat mangsa.

Mangsa hanya menyedari penipuan ini apabila berhubung secara langsung dengan agensi kerajaan berkenaan dan mendapati tiada sebarang tempahan dibuat serta dokumen yang diterima adalah palsu. Bagi melindungi diri daripada kedua-dua jenis penipuan ini, PPDB ingin mengingatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah berikut.

Bagi pembeli dan penjual dalam talian, orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan tawaran harga yang terlalu murah atau tidak munasabah. Sebarang pembayaran hendaklah dibuat terus kepada penjual asal dan bukan kepada mana-mana pihak ketiga. Urusan jual beli juga hendaklah dilakukan secara bersemuka di tempat yang selamat.

Bagi syarikat perniagaan dan pembekal yang menerima tempahan daripada agensi kerajaan, adalah dinasihatkan agar menggunakan platform rasmi kerajaan seperti (GVP) bagi proses perolehan / perbekalan serta mengesahkan kesahihan sebarang tempahan.

Syarikat juga diingatkan agar tidak terpedaya dengan dokumen rasmi yang dikongsi melalui WhatsApp atau e-mel peribadi, dan hendaklah membuat pengesahan melalui nombor telefon atau e-mel rasmi agensi kerajaan sebelum sebarang tempahan diproses.

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan atau mengesyaki telah menjadi mangsa penipuan seumpama ini dinasihatkan agar membuat laporan di balai polis yang berdekatan atau menghubungi Talian Kecemasan Polis 993.

Orang ramai yang masih dalam urusan jual beli dalam talian dan meragui kesahihan sesuatu tawaran atau pembekalan, juga boleh mendapatkan nasihat dengan menghubungi talian bantuan polis di nombor 16993 sebelum sebarang pembayaran atau transaksi dibuat.

Tingkatkan kesedaran mengenai jenayah pemerdagangan orang

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



TAKLIMAT jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei telah disampaikan baru-baru ini kepada pegawai dan kakitangan hotel di The Lanes Hotel (atas dan bawah).

TUTONG, Rabu, 13 Mei. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran serta inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM) daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menyampaikan taklimat jerayawara mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada petugas barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan hotel bertempat di The Lanes Hotel.

Objektif utama taklimat tersebut diadakan adalah untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran para peserta mengenai kaedah mengenal pasti mangsa yang berpotensi terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang di negara ini.

Pihak penguat kuasa dan agensi barisan hadapan disarankan untuk sentiasa berwaspada serta mengenal pasti identiti tetamu yang

berkemungkinan terjebak dan dieksploitasi sebagai mangsa pemerdagangan manusia.

Kerjasama daripada pihak pengurusan dan kakitangan hotel amat diperlukan dalam memainkan

peranan penting bagi membantu menangani isu pemerdagangan manusia, seterusnya sama-sama

membantu PPDB dalam usaha memerangi jenayah tersebut.



SEBUAH TAPAK KERJA PEMBINAAN DIKENAKAN DENDA KOMPAUN



TINDAKAN penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan oleh SHENA di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Penabai, Tutong.

yang terletak di Kampung Penabai, Tutong.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 5, Pemberi Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pemuatuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana occupier yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

TUTONG, Khamis, 14 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan



كمتريين كصحيين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM



TIPS

- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

Hidangan	Jumlah Sodium (mg)
1 bungkus Mee Segera	1385 mg
1 biji Telur Masin	1000 mg
1 sudu makan Kicap	880 mg
3 sudu makan Corned Beef	376 mg
1 bungkus keci Keropok Ubi Kentang	295 mg
1 bungkus keci Keropok Udang Tempatan	243 mg
1 cawan Kentang Goreng	120 mg
Seperangin Kacang Tanah (Salted)	116 mg
3 keping Kraker Beras	15 mg
1/2 cawan Amping	2.4 mg
Seperangin Kacang Tanah (Unsalted)	1.7 mg
Sebilu ukurai sademmas Pisang	1.2 mg

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok.

BND5,000. SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



Hidangan ayam gepuk jadi buruan

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

DALAM era globalisasi makanan pada masa kini, pelbagai jenis hidangan dari luar negara berjaya menembusi pasaran tempatan dan diterima baik oleh masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Antara makanan yang semakin mendapat perhatian dan menjadi trend dalam kalangan masyarakat ialah ayam gepuk. Hidangan ini berasaskan ayam goreng yang disajikan bersama sambal pedas, nasi putih, tauhu, tempe serta ulam-ulaman segar. Gabungan rasa pedas, rangup dan beraroma menjadikan ayam gepuk sebagai pilihan ramai kerana mampu membangkitkan selera para penggemar makanan pedas. Kini, hidangan tersebut mudah didapati di pelbagai restoran dan gerai makanan serta premis di negara ini.

Keistimewaan utama ayam gepuk terletak pada sambalnya yang dihasilkan daripada campuran cili padi, bawang putih, bawang merah serta beberapa bahan rahsia tertentu yang memberikan rasa unik dan tersendiri. Tahap kepedasan sambal juga boleh dipilih mengikut cita rasa pelanggan, daripada sederhana pedas hinggalah kepada tahap yang sangat pedas. Keunikan inilah yang menjadikan ayam gepuk semakin popular dan mendapat sambutan hangat dalam kalangan masyarakat Brunei.

Fenomena ini dapat dilihat melalui semakin banyak restoran yang menjadikan ayam gepuk sebagai menu utama dan tarikan istimewa premis mereka. Salah satu contoh populariti ayam gepuk juga dapat dilihat di kawasan food truck yang terletak di Taman Jubli Perak. Pada hujung minggu, ramai pelanggan sanggup beratur panjang untuk membeli ayam gepuk. Sambutan yang menggalakkan ini menunjukkan

bahawa hidangan ini semakin digemari oleh masyarakat di negara ini.

Selain itu, perkembangan media sosial seperti TikTok, Instagram dan Threads turut memainkan peranan penting dalam memperkenalkan hidangan ini kepada masyarakat. Ramai pengguna media sosial berkongsi pengalaman mereka mencuba ayam gepuk dengan pelbagai tahap kepedasan, sekaligus menarik minat orang ramai untuk turut mencubanya. Selain faktor media sosial, cita rasa masyarakat Brunei yang sememangnya gemar akan makanan pedas turut menyumbang kepada penerimaan ayam gepuk secara meluas. Sambalnya yang pedas dan beraroma memberikan sensasi tersendiri kepada para penggemar makanan.

Sesetengah premis juga menyediakan pelbagai pilihan sambal seperti sambal hijau, sambal bawang, sambal kacang dan sambal keju bagi memenuhi permintaan pelanggan yang mahukan kelainan rasa. Inovasi sebegini menunjukkan bahawa pengusaha makanan sentiasa kreatif dalam menarik perhatian pelanggan.

Fenomena ayam gepuk juga memberikan kesan positif kepada peniaga tempatan di negara ini. Ramai peniaga tempatan mengambil peluang menawarkan penjualan ayam gepuk. Hal ini bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan perniagaan kecil dan sederhana, malah turut membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan khususnya golongan



belia. Selain itu, persaingan sihat dalam kalangan peniaga telah mendorong mereka untuk menghasilkan resipi yang lebih kreatif, berkualiti dan menepati cita rasa pelanggan.

Walaupun bagaimanapun, masyarakat juga perlu mengambil perhatian terhadap aspek kesihatan ketika menikmati hidangan ini. Kandungan minyak dan tahap kepedasan yang tinggi boleh memberi kesan kepada

individu yang mempunyai masalah kesihatan tertentu seperti gastrik, tekanan darah tinggi dan masalah penghadaman. Oleh itu, pengambilan ayam gepuk perlulah dilakukan secara sederhana dan seimbang agar kesihatan sentiasa terpelihara. Secara keseluruhannya, fenomena ayam gepuk membuktikan bahawa kepelbagaian budaya makanan mampu diterima dan disesuaikan dengan cita rasa masyarakat di negara ini.



Masjid Jubli Intan lambang perjalanan pemerintahan Ulii Amri, berdaulat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Isaamuddin Mahsofidin

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi melakar satu lagi peristiwa yang bukan sahaja penting dari sudut pembangunan infrastruktur agama, malah sarat dengan nilai sejarah dan menjadi ristaan bagi seluruh rakyat jelata apabila nanti terbinanya lagi sebuah masjid yang diberi nama Masjid Jubli Intan, bakal tersergam megah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mata-Mata, Kawasan 3 Mukim Gadong 'B', Daerah Brunei dan Muara.

Ia membawa simbolik yang sangat besar - iaitu sebagai tanda kesyukuran sempena memperingati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta.

Sehubungan dengan itu juga, satu Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan telah berlangsung pada Isnin, 23 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan 11 Mei 2026 Masihi di tapak pembinaan masjid berkenaan yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang secara rasminya menandakan bermulanya perjalanan masjid ini sebagai rumah Allah.

Pembinaan masjid sempena Jubli Intan 60 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta ini memberikan nuansa yang berbeza di mana ia merupakan sebuah masjid yang melambangkan perjalanan pemerintahan seorang raja atau Ulii Amri yang berdaulat, adil, pemedulian dan bijaksana dalam mentadbir negara serta sentiasa inginkan supaya *amar ma'ruf nahi munkar* menjadi amalan dalam kehidupan rakyatnya yang menjadi teras kepada kekuatan sesebuah negara.

Jubli Intan bukanlah satu tempoh yang singkat; ia melambangkan keteguhan, kesetiaan, dan kasih sayang seorang raja yang telah melalui pelbagai fasa zaman.

Dengan menjadikan sebuah masjid sebagai mercu tanda peringatan tersebut, baginda sekali lagi membuktikan bahawa dalam setiap detik kegembiraan atau kejayaan peribadi, kepentingan agama dan kebajikan rakyat tetap diutamakan.

Ini selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan teguh negara kita, di mana pemimpin dan rakyat berpisah tiada dalam naungan syiar Islam.

Mengenai Masjid Jubli Intan

Masjid Jubli Intan yang bakal dibina ini adalah sebagai manifestasi kesyukuran juga melambangkan satu peristiwa yang amat bersejarah selama enam dekad pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta, ia bukan sekadar sebuah masjid, tetapi ia melambangkan simbol cinta dan ketaatan kepada agama yang mana di dalam sejarah pemerintahan Kebawah DYMM,

pembangunan masjid sentiasa menjadi keutamaan.

Masjid Jubli Intan ini juga merupakan masjid pertama di NBD yang diiktiraf mempunyai pensijilan Bangunan Hijau di mana pembangunan rohani dan kelestarian alam sekitar dicantumkan.

Masjid yang berkapasiti seramai 4,246 jemaah, turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, tandas serta Kawasan letak kereta bagi keselesaan dan kemudahan orang ramai termasuk Orang Kelainan Upaya bagi para penduduk STKRJ Kampung Mata-Mata, Mukim Gadong 'B' dan juga masyarakat sekitarnya.

Kos pembiayaan pembinaan masjid ini dibiayai melalui Rancangan Kemajuan Negara dan sebahagian lagi melalui kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Sumbangan orang ramai dan sektor swasta. Masjid ini dijangka siap pada 31 Julai 2027.

Manakala konsep reka bentuk yang dipilih untuk masjid ini pula merupakan cadangan Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Arkitek Awang Haji Azmi bin Awang Haji Tahir dan dibantu oleh Awang Abdul Azeem bin Abdul Rahman, seorang arkitek tempatan di KHEU.

Bagi penduduk di kawasan kampung berkenaan, dengan terbinanya Masjid Jubli Intan ini nantinya adalah satu rahmat yang besar. Seiring dengan pertambahan penduduk dan kepesatan pembangunan perumahan di kawasan tersebut, keperluan untuk sebuah masjid yang lebih luas dan selesa memang sangat dirasakan.

Masjid ini nantinya juga bukan sekadar berfungsi lebih daripada tempat solat; ia juga dapat digunakan sebagai pusat pembelajaran Al-Quran bagi kanak-kanak, tempat majlis ilmu, dan juga pusat aktiviti kemasyarakatan bagi belia dan Muslimah.

Harapan rakyat : Sebuah amal jariah yang berterusan

Kita sebagai rakyat NBD sering kali berasa bangga melihat bagaimana raja kita meletakkan agama di tempat yang paling tinggi. Setiap kali masjid baharu dibina, ia adalah satu pelaburan untuk akhirat. Dalam konteks sambutan Jubli Intan ini, ia menjadi doa yang berterusan buat baginda berserta kerabat diraja lainnya.

Setiap dahi yang sujud di atas lantai masjid ini nanti, setiap huruf Al-Quran yang dibaca oleh para jemaah di sini, dan setiap zikir yang berkumandang, pahalanya insyaaAllah akan terus mengalir kepada baginda sebagai wakaf dan kurnia peribadi baginda. Inilah kecantikan pemerintahan di bawah naungan seorang raja yang berjiwa rakyat.

Sehubungan itu, marilah kita sama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kekuatan untuk terus memimpin dan kebahagiaan dunia serta akhirat.

Semoga Masjid Jubli Intan ini nanti berdiri megah, bukan sekadar sebagai bangunan yang indah dipandang mata, tetapi sebagai pusat yang menghidupkan jiwa-jiwa orang beriman di bumi Darussalam.



OPERASI KAKAS KESAN PELBAGAI KESALAHAN



OPERASI Kakas 47 / 2026 telah menyasarkan di rumah-rumah sewa di Mukim Sengkurong di mana hasil operasi telah memeriksa ke atas 13 warga asing dan tiga orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Mei. - Operasi Kakas JIPK 2026 terus giat dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dua operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan yang mana menyasarkan kepada rumah-rumah sewa di Mukim Sengkurong dan bilik-bilik sewa di Mukim Kilanas.

Operasi Kakas 47 / 2026 telah menyasarkan di rumah-rumah sewa di Mukim Sengkurong di mana hasil operasi telah memeriksa ke atas 13 warga asing dan tiga orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Tiga individu tersebut ditahan bagi siasatan lanjut adalah kerana gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah dan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresen mansuh.

Sementara, Operasi Kakas 48 / 2026 menyasarkan di bilik-bilik sewa di Mukim Kilanas. Daripada hasil operasi, sebanyak tujuh warga asing telah diperiksa dan dua daripadanya kemudian ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Salah seorang yang ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresennya mansuh dan juga kesalahan di

bawah Peraturan 15(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu menyalahgunakan Pas Kerja yang dibenarkan.

Manakala, seorang lagi yang ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 55(1)(d) iaitu melindungi orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta atau Peraturan Imigresen.

Susulan daripada beberapa Operasi Kakas iaitu Operasi Kakas 46 / 2026 dan Operasi Kakas 48 / 2026 yang dijalankan oleh JIPK telah pun membawa kepada dua sesi pendakwaan.

Keterangan pendakwaan adalah sepertimana berikut iaitu Diana, seorang perempuan warganegara Republik Indonesia berumur 45 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama lima bulan dan denda sebanyak BND800 setelah mengaku bersalah di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh.

Walaupun bagaimanapun, individu gagal untuk membayar denda berkenaan dan diganti dengan satu bulan penjara yang mana menjadikan jumlah hukuman pemenjaraan individu kepada enam bulan. Hukuman individu mula berkuat kuasa pada 7 Mei 2026.

Sementara Md. Tuhin Hauladar, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 44 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga sebatan setelah mengaku bersalah di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman individu mula berkuat kuasa pada 11 Mei 2026.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi talian Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Pastikan peraturan, kesihatan tempat kerja dipatuhi

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

TEMBURONG, Khamis, 14 Mei. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah mengambil tindakan penguatkuasaan semasa pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan yang terletak di Kampung Negalang Ering, Mukim Batu Apoi, Temburong.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 5, Pemberi Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas).

Sehubungan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan dan telah diselesaikan sepenuhnya.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti.

SHENA menegaskan dan menyarankan semua pihak bahawa pematuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa.

Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



TINDAKAN penguatkuasaan berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi 'Peraturan 5, Pemberi Pertolongan Cemas', telah diambil oleh SHENA semasa pemeriksaan yang dijalankan di sebuah Tapak Kerja Pembinaan di Kampung Negalang Ering, Mukim Batu Apoi, Temburong.

Murai Gajah Biasa

Nama Binatang : Murai Gajah Biasa / Asian Fairy Bluebird

Nama Sainifik : Irena Puella

CITES : Tidak tersenarai

IUCN : Least Concern

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BURUNG Murai Gajah Biasa dikenali dengan nama saintifiknya, Irena Puella, dan tergolong dalam keluarga Irenidae. Burung jantan mempunyai warna hitam kebiruan yang menarik dengan mata merah menyala dan paruh hitam, manakala burung betina pula berwarna biru yang lebih lembut dengan sayap dan ekor berwarna hitam. Saiznya kecil, sekitar 21 hingga 26 cm sahaja.

Burung ini biasanya ditemui di hutan tanah rendah yang kekal hijau, termasuk di Semenanjung Malaysia, Sumatera, Borneo dan juga di Negara Brunei Darussalam (NBD). Ia gemar berada di lapisan bawah hutan, bersembunyi di celah dahan dan dedaun sambil mencari makanan.

Burung Murai Gajah biasanya aktif pada waktu pagi dan lewat petang. Makanannya terdiri daripada serangga seperti rama-rama malam, kumbang, belalang, dan ulat, serta buah-buahan kecil. Ia memburu dengan cara yang tenang; duduk diam di dahan sebelum menyambar mangsa dengan pantas.

Walaupun bersaiz kecil, burung ini memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan hujan tropika. Ia membantu mengawal populasi serangga perosak, menyumbang kepada penyebaran benih melalui pemakanan buah, dan juga menjadi sumber makanan kepada haiwan pemangsa yang lain.

Kehadiran Burung Murai Gajah Biasa juga menjadi petunjuk kepada kesihatan hutan tanah rendah. Apabila habitatnya terpelihara, spesies ini dapat terus hidup dan membiak dengan selamat. Oleh itu, usaha

memelihara hutan asli amat penting bagi memastikan kelangsungan hidup burung ini dan biodiversiti negara.

Burung Murai Gajah Biasa tidak tersenarai di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Terancam, atau CITES, dan dikategorikan sebagai 'Least Concern', iaitu tidak terancam. Namun begitu, pemantauan tetap perlu dilakukan bagi memastikan spesies ini terus terpelihara pada masa hadapan. Burung Murai Gajah biasa melambangkan kekayaan biodiversiti NBD dan berpotensi menjadi salah satu tarikan dalam ekopelancongan. Pada masa yang sama, ia membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya memelihara hidupan liar dan alam sekitar, demi kesejahteraan bersama.

Marilah kita bersama-sama memelihara hutan tanah rendah dan habitat semula jadi supaya



Sumber Foto : BWPC 2022 \BIRDS CATEGORY\B04 – 006 – 235/ _ Asian Fary Bluebird

spesies seperti Burung Murai Gajah Biasa terus wujud dan memberi manfaat kepada ekosistem negara. Pemuliharaan ini bukan sahaja melindungi satu spesies, tetapi juga seluruh rantaian kehidupan yang bergantung kepada habitat tersebut.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul

bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memelihara Hutan Kitani...'



PM BAHAMAS PHILIP DAVIS CIPTA SEJARAH MENANG PENGGAL KEDUA

MEXICO CITY, 14 Mei. - Perdana Menteri Bahamas Philip Davis mencipta sejarah apabila menjadi pemimpin pertama negara yang memenangi penggal kedua berturut-turut dalam tempoh 30 tahun.

Pilihan raya yang sepatutnya diadakan pada Oktober itu diawalkan oleh Davis susulan kebimbangan terhadap musim

taufan, selain ketidakpuasan rakyat yang semakin meningkat berhubung isu ekonomi, keselamatan dan perkhidmatan kesihatan, lapor Anadolu Ajansi.

Sebanyak 41 kerusi dipertandingkan melibatkan Parti Liberal Progresif (PLP) yang memerintah, Free National Movement (FNM) dan Coalition of Independents (COI).

Menurut keputusan terkini yang dipetik Nassau Guardian, PLP

memperoleh 25 kerusi, sekali gus memastikan kemenangan selesa kepada Davis yang berkempen atas platform kestabilan dan kesinambungan pentadbiran.

"Rakyat Bahamas telah membuat pilihan mereka. Hari ini, rakyat Bahamas memilih kemajuan dan memilih untuk terus mara ke hadapan bersama pasukan serta kepimpinan saya," kata Davis dalam ucapan kepada penyokongnya.

Sementara itu, pembangkang FNM hanya memenangi lapan kerusi, menurut pemimpinnya Michael Pintard.

FNM sebelum ini menumpukan kempen terhadap isu imigresen, khususnya melibatkan migrasi dari Haiti, selain menjanjikan pembaharuan terhadap dasar percukaian dan keselamatan negara.

Pentadbiran Presiden Amerika Syarikat Donald Trump turut

mengucapkan tahniah kepada Davis atas kemenangan itu serta menyatakan hasrat untuk meneruskan kerjasama ekonomi dan pelaburan dengan Bahamas.

Dengan kira-kira 200,000 pengundi berdaftar di 41 kawasan pilihan raya, keputusan pilihan raya 2026 menunjukkan sokongan kukuh rakyat terhadap parti pemerintah, lima tahun selepas Davis memulakan penggal pertamanya. - ©BERNAMA

Wabak norovirus di kapal persiaran berlabuh di Bordeaux

PARIS, 14 Mei. - Wabak jangkitan di atas kapal persiaran 'Ambition' yang berlabuh di Bordeaux, barat daya Republik Perancis disahkan sebagai virus gastroenteritis berpunca daripada norovirus, menurut pihak berkuasa wilayah Gironde pada Rabu, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan itu, tiada kes serius dilaporkan setakat ini, manakala penumpang dan anak kapal yang tidak bergejala dibenarkan meninggalkan kapal berkenaan.

Kapal 'Ambition' yang dikendalikan syarikat British,

Ambassador Cruise Line tiba di Bordeaux pada petang Selasa.

Kira-kira 1,700 penumpang dan anak kapal pada mulanya tidak dibenarkan turun selepas seorang penumpang berusia sekitar 90 tahun meninggal dunia di atas kapal itu.

Kematian berkenaan dipercayai mempunyai kaitan dengan "penyakit menyerupai gastroenteritis", susulan gejala pencernaan dalam kalangan kira-kira 80 orang.

Analisis epidemiologi dan biologi yang dijalankan di Hospital Universiti Bordeaux kemudian mengesahkan wabak itu berpunca daripada virus.

Pihak berkuasa memaklumkan individu yang dijangkiti akan terus diasingkan di atas kapal, manakala

langkah kuarantin dan kebersihan terus dikuatkuasakan bagi membendung penularan.

Pengendali kapal persiaran itu akan menentukan sama ada pelayaran diteruskan selepas menerima maklumat perubatan lanjut.

Norovirus, yang sangat mudah berjangkit merupakan antara punca lazim gastroenteritis akut dan sering dikaitkan dengan wabak di kawasan tertutup seperti kapal persiaran. - ©BERNAMA

Pengendali kapal didakwa ekoran jambatan runtuh di Baltimore

BERLIN, 13 Mei. - Dua syarikat pengendali kapal dan seorang pekerja didakwa berhubung insiden runtuhan jambatan di Baltimore, Amerika Syarikat (AS), dua tahun lepas yang mengorbankan enam nyawa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Jabatan Kehakiman AS pada Selasa memaklumkan antara pertuduhan yang dikenakan ialah konspirasi untuk menipu AS. Mereka juga didakwa sengaja lewat memaklumkan kejadian itu kepada Pengawal Pantai serta membuat kenyataan palsu.

Pertuduhan itu melibatkan Synergy Marine dari Republik Singapura dan Synergy Maritime dari Republik India, selain seorang lelaki berusia 47 tahun yang bekerja untuk

kedua-dua syarikat sebagai pengurus teknikal bagi kapal terbabit.

Pada akhir Mac 2024, kapal kontena Dali merempuh tiang sokongan Jambatan Francis Scott Key sepanjang lebih 2.5 kilometer, menyebabkan jambatan lebuhraya itu runtuh. Enam pekerja yang sedang menjalankan kerja pembaikan di jambatan berkenaan maut dalam insiden itu.

Kapal terbabit hilang kawalan dalam tempoh beberapa minit selepas mengalami dua kegagalan kuasa. Sebelum ini, kerajaan AS mencapai penyelesaian sivil hampir US\$102 juta dengan pengendali dan pemilik kapal itu.

Prosiding jenayah kali ini antara lain berkaitan kerugian ekonomi

akibat gangguan terhadap trafik perkapalan. Jabatan Kehakiman menganggarkan kerugian mencecah sekurang-kurangnya US\$5 bilion.

Menurut pertuduhan, defendan menggunakan sistem pam bahan api yang salah. Sistem pam itu, tidak seperti pam yang sepatutnya digunakan, gagal hidup semula secara automatik selepas kegagalan kuasa pertama. Pendakwa raya turut mendakwa pengendali menggunakan pam yang sama pada kapal lain.

Menurut pendakwaan, kegagalan kuasa berganda seperti itu juga pernah berlaku sebelum ini. Beberapa pekerja termasuk defendan didakwa cuba menyembunyikan penggunaan pam berkenaan dan berbohong kepada penyiasat. - ©BERNAMA

Persekutuan Rusia, Republik Indonesia teroka kerjasama penggunaan tenaga nuklear secara aman

JAKARTA, 13 Mei. - Persekutuan Rusia dan Republik Indonesia sedang meneroka kerjasama dalam penggunaan tenaga nuklear secara aman, termasuk projek tenaga nuklear, pembangunan infrastruktur nuklear, latihan kakitangan serta aplikasi teknologi nuklear bukan tenaga.

Perbadanan nuklear negara Persekutuan Rusia, Rosatom dalam satu kenyataan memaklumkan perkara itu dibincangkan dalam pertemuan pada Selasa antara Presiden Republik Indonesia Prabowo Subianto dan Ketua Pengarah Rosatom Alexey Likhachev, yang sedang dalam lawatan kerja ke Republik Indonesia.

Likhachev berkata Rosatom amat mementingkan dialog antara Persekutuan Rusia dan Republik Indonesia dalam

bidang nuklear yang berkembang dalam suasana saling percaya dan saling menghormati.

"Hari ini, Republik Indonesia menetapkan matlamat bercita-cita tinggi bagi pembangunan tenaga nuklear, justeru kami membincangkan bukan sahaja teknologi, tetapi juga mewujudkan perkongsian jangka panjang.

"(Perkongsian itu) tertumpu kepada pembangunan industri baharu untuk negara, latihan tenaga kerja tempatan, kewujudan kepakaran baharu serta pengukuhan kedaulatan teknologi negara," kata beliau menerusi kenyataan itu.

Likhachev berkata Rosatom bersedia menawarkan pendekatan menyeluruh kepada Republik Indonesia bagi membangunkan program

nuklear nasionalnya, termasuk penyelesaian tenaga nuklear berskala besar serta projek melibatkan reaktor modular kecil dan unit tenaga terapung.

Menurut Rosatom, kedua-dua pihak turut memberi perhatian khusus kepada integrasi tenaga nuklear ke dalam sistem tenaga Republik Indonesia dengan mengambil kira kedudukan geografi negara kepulauan itu.

Rosatom menjelaskan bahawa Persekutuan Rusia dan Republik Indonesia mengekalkan kerjasama dalam bidang nuklear selama hampir dua dekad, dengan tahun ini menandakan ulang tahun ke-20 Perjanjian Dua Hala Mengenai Kerjasama Penggunaan Tenaga Atom Secara Aman yang ditandatangani pada 1 Disember 2006. - ©BERNAMA

Republik Rakyat China lancarkan kumpulan satelit baharu

TAIYUAN, 13 Mei. - Republik Rakyat China menghantar kumpulan satelit baharu ke angkasa lepas dari Pusat Pelancaran Satelit Taiyuan di Wilayah Shanxi utara Republik Rakyat China pada hari Selasa.

Kumpulan satelit itu dilancarkan pada jam 7.59 malam (Waktu Beijing) di atas roket pengangkut Long March-6 yang diubah suai dan berjaya memasuki orbitnya yang telah ditetapkan. Ia akan membentuk Spacetail Constellation, rangkaian satelit orbit rendah komersial mega Republik Rakyat China.

Pelancaran ini menandakan misi penerbangan ke-642 siri roket pengangkut Long March, menurut pusat pelancaran. - ©XINHUA

6 maut akibat hujan lebat di barat daya Republik India

NEW DELHI, 13 Mei. - Sekurang-kurangnya enam orang, termasuk tiga kanak-kanak, maut manakala puluhan lagi cedera apabila struktur tempat mereka berteduh ketika hujan lebat dan angin kencang tiba-tiba runtuh ke atas mereka di negeri Maharashtra, barat daya Republik India, menurut pengesahan polis tempatan pada Rabu, lapor Xinhua.

Kejadian itu dilaporkan berlaku di Daerah Sangli pada lewat petang Selasa.

Mangsa antara hampir 350 penganut yang mengunjungi sebuah kuil sempena festival keagamaan tempatan.

Sebaik hujan lebat disertai angin kencang melanda, mereka berlindung di dalam sebuah struktur yang masih dalam pembinaan.

Namun, angin kencang menyebabkan bumbung zink dan dinding struktur itu runtuh lalu menghempap mereka.

Selepas operasi menyelamat selesai, enam mayat ditemukan dan mangsa yang cedera dikejarkan ke hospital tempatan, kata seorang anggota polis tempatan. - ©BERNAMA

KENDERAAN ELEKTRIK BUATAN REPUBLIK RAKYAT CHINA SEMAKIN KETARA DI BRITAIN



ORANG ramai semasa menyaksikan kereta elektrik Seres 5 pada pratonton media 100th Brussels Motor Show di Brussels, Belgium.

LONDON, 15 Mei. - Kenderaan elektrik (EV) buatan Republik Rakyat China semakin ketara di pasaran British, kata David Bailey, Profesor Ekonomi Perniagaan di University of Birmingham, dalam satu temu bual bertulis dengan Xinhua pada Khamis.

"Jenama Republik Rakyat China jelas telah beralih daripada pemain pinggir kepada pesaing arus perdana di pasaran United Kingdom (UK)," kata Bailey.

Kenyataannya dibuat susulan data yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengilang dan Peniaga Motor (SMMT) menunjukkan bahawa EV buatan Republik Rakyat China menyumbang bahagian pasaran EV Britain yang semakin meningkat dalam tempoh empat bulan pertama 2026.

Menurut data SMMT, jenama Republik Rakyat China, termasuk

BYD dan Jaecoo, menjual 30,480 EV di Britain antara Januari dan April, menyumbang 17.4 peratus daripada EV yang dijual dalam tempoh tersebut. Apabila jenama yang dimiliki oleh syarikat Republik Rakyat China, seperti Volvo, Polestar dan Lotus, dimasukkan, jumlahnya meningkat kepada 40,222 EV, bersamaan 22.7 peratus daripada semua EV yang dijual di Britain dalam tempoh empat bulan tersebut.

Bailey berkata pengeluar Republik Rakyat China mendapat manfaat daripada kekuatan dalam teknologi EV, prestasi bateri dan pembangunan produk, di samping menawarkan pengguna lebih banyak pilihan di pasaran.

"Pengguna semakin melihatnya sebagai boleh dipercayai, bukan sekadar murah. Teknologi bateri khususnya selalunya sangat kuat dalam EV Republik Rakyat China," katanya.

Bailey menambah bahawa pengeluar EV Republik Rakyat China kini bersaing bukan sahaja dari segi kemampuan, tetapi juga dari segi jarak pemanduan, perisian dan reka bentuk kenderaan.

"Perkara yang lebih luas ialah industri kereta global telah



memasuki peralihan kuasa terbesarnya dalam beberapa dekad," katanya. "Republik Rakyat China bukan sahaja mengeksport kereta; ia juga mengeksport keseluruhan ekosistem EV".

Menurut Bailey, terdapat potensi untuk kerjasama yang lebih erat antara syarikat EV British dan Republik Rakyat China dalam bidang seperti pelaburan dan pembuatan.

Beliau menyatakan bahawa pengeluar kereta Republik Rakyat China boleh meneroka peluang pemasangan kenderaan masa hadapan di Britain ketika syarikat-syarikat berusaha untuk mengembangkan pengeluaran di luar negara dan mengukuhkan kehadiran pasaran tempatan.

"Tidak lagi mustahil untuk membayangkan jenama Republik Rakyat China memasang kenderaan di Britain," katanya, sambil menambah bahawa kerjasama sedemikian dapat menyokong peralihan EV dan rantai bekalan automotif Britain. - ©XINHUA

Projek Gas Tuna Block Republik Indonesia dijangka disambung semula Jun

JAKARTA, 15 Mei. - Projek gas Tuna Block Indonesia yang tertangguh dijangka disambung semula pada Jun selepas syarikat Persekutuan Rusia, Joint Stock Company Zarubezhneft menegaskan komitmen untuk meneruskan projek itu susulan rakan kongsinya, Premier Oil, anak syarikat Harbour Energy dari Britain menarik diri.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Mineral Republik Indonesia Yuliot berkata syarikat Persekutuan Rusia itu menyatakan kesediaan untuk meneruskan projek gas luar pesisir berkenaan dalam pertemuan di Kazan pada Rabu.

Pertemuan itu diadakan di luar sesi Suruhanjaya Bersama Indonesia-Rusia Ke-14 Mengenai Kerjasama Perdagangan, Ekonomi dan Teknikal.

"Kami bertemu Zarubezhneft dan membincangkan kelangsungan projek Tuna Block yang masih tertangguh. Zarubezhneft menyatakan komitmen untuk meneruskan projek itu pada Jun.

"Kerajaan akan memberi sokongan bagi memastikan projek ini diteruskan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tuna Block, yang terletak di Laut Natuna berhampiran sempadan maritim Republik Indonesia dengan Republik Sosialis Viet Nam dilihat sebagai sebahagian daripada usaha Republik Indonesia memperkukuh pengeluaran tenaga domestik dan mencapai kemandirian tenaga.

Menurut Kementerian itu, projek berkenaan sebelum ini dibangunkan bersama oleh Zarubezhneft dan Premier Oil Tuna

BV, anak syarikat Harbour Energy, dengan masing-masing memegang 50 peratus kepentingan penyertaan.

Kementerian itu memaklumkan dalam pertemuan sama, syarikat Persekutuan Rusia berkenaan turut menyatakan minat untuk melaksanakan projek minyak dan gas lain di Republik Indonesia bagi menyokong peningkatan pengeluaran minyak dan gas negara itu menerusi teknologi Pemulihan Minyak Dipertingkat (EOR) serta pengaktifan semula telaga terbiar.

Kementerian itu turut memaklumkan Persekutuan Rusia meminta sokongan bagi melengkapkan proses pematuhan melibatkan syarikat yang dicalonkan Zarubezhneft untuk memulakan bekalan minyak ke Republik Indonesia. - ©BERNAMA

Africa CDC sahkan wabak Ebola di timur DRC

KINSHASA, 15 Mei. - Pihak berkuasa kesihatan mengesahkan wabak baru penyakit virus Ebola di timur Republik Demokratik Congo (DRC) pada Jumaat, lapor Xinhua.

Beratus-ratus kes disyaki dilaporkan di Wilayah Ituri, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC).

Ujian awal oleh Institut Penyelidikan Bioperubatan Kebangsaan mengesan virus berkenaan dalam 13 daripada 20 sampel, menurut Africa CDC dalam satu kenyataan, memetik rundingan dengan Kementerian Kesihatan DRC dan Institut Kesihatan Awam Kebangsaan.

Kira-kira 246 kes disyaki dan 65 kematian direkodkan, terutamanya di Mongwalu dan Rwampara, dengan empat kematian dalam kalangan kes yang disahkan. Kes disyaki turut dilaporkan di Bunia.

Africa CDC memberi amaran tentang risiko tinggi penularan lanjut disebabkan oleh persekitaran bandar, pergerakan penduduk, aktiviti perlombongan, ketidakstabilan keselamatan serta kedudukannya yang berhampiran dengan Uganda dan Sudan Selatan.

Agensi itu mengadakan mesyuarat tergempar pada petang Jumaat bersama pihak berkuasa kesihatan dari DRC, Uganda dan Sudan Selatan, serta rakan kongsi antarabangsa utama, bagi memperkukuh penyelarasan rentas sempadan, pemantauan dan tindak balas.

Ketua Pengarah Africa CDC Jean Kaseya menegaskan bahawa penyelarasan serantau yang pantas adalah sangat penting memandangkan mobiliti yang tinggi antara kawasan terjejas dengan negara jiran. - ©BERNAMA

Penerbangan repatriasi penumpang kapal persiaran terjejas hantavirus tiba di Perth

SYDNEY, 15 Mei. - Sebuah penerbangan repatriasi yang membawa enam penumpang dari kapal persiaran MV Hondius yang terjejas akibat hantavirus, tiba di Perth, Australia, pada Jumaat, lapor Xinhua.

Lima warga Australia dan seorang warga New Zealand

bertolak dari Belanda pada lewat Khamis.

Kesemua mereka diuji negatif bagi hantavirus sebelum menaiki penerbangan itu dan tiada seorang pun yang menunjukkan gejala virus berkenaan.

Kesemua enam penumpang, tiga anak kapal dan seorang doktor

dijadualkan dibawa ke kemudahan kuarantin di Bullsbrook, utara Perth.

Penumpang akan menjalani pemeriksaan kesihatan lanjut dan dikuarantin selama tiga minggu.

Anak kapal penerbangan juga akan menjalani kuarantin selama dua minggu. - ©BERNAMA

Australia rekod 161 kes difteria, satu kematian dilaporkan

CANBERRA, 15 Mei. - Wilayah Utara (NT) Australia mencatatkan kematian pertama akibat difteria di negara itu dalam tempoh hampir sedekad, ketika pihak berkuasa kesihatan berdepan peningkatan wabak yang tertumpu dalam komuniti Orang Asli, lapor Xinhua.

Pegawai kesihatan awam pada Jumaat berkata kematian itu berlaku beberapa minggu lalu di sebuah kawasan terpencil.

Difteria ialah jangkitan bakteria yang boleh dicegah melalui vaksin dan boleh menjejaskan sistem pernafasan serta membawa maut

jika tidak dirawat.

NT mengisytiharkan wabak itu pada Mac, yang pertama sejak 1990-an.

Sebanyak 161 kes kini dilaporkan di seluruh negara, dengan lebih 100 kes direkodkan di wilayah itu sahaja, menurut Australian Broadcasting Corporation.

Menurut data kesihatan Pusat Kawalan Penyakit Australia, lebih 98 peratus kes tempatan melibatkan penduduk Orang Asli, kebanyakannya di kawasan luar bandar dan terpencil.

Pakar perubatan berkata kes

yang teruk sebahagian besarnya berlaku dalam kalangan individu yang tidak divaksin atau belum menerima dos penggalak.

Walaupun kadar vaksinasi kanak-kanak kekal tinggi, imuniti boleh berkurangan tanpa dos susulan ketika remaja dan dewasa.

Pegawai turut menyatakan keraguan terhadap vaksin selepas pandemik serta jurang akses kepada perkhidmatan kesihatan sebagai antara faktor yang mungkin mendorong penularan wabak itu. - ©BERNAMA

Seorang pesakit maut, kebakaran di pusat jantung hospital Surabaya

SURABAYA, 15 Mei. - Seorang pesakit maut manakala 27 lagi dipindahkan selepas kebakaran berlaku di bangunan Pusat Perkhidmatan Jantung Bersepadu Hospital Besar wilayah Dr. Soetomo di Surabaya, Jawa Timur pada pagi Jumaat.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kejururawatan hospital, Ahmad Suryawan berkata pesakit yang meninggal dunia itu bergantung kepada peralatan sokongan hayat untuk paru-paru, jantung dan buah pinggang, serta sedang bersedia menjalani dialisis ketika kejadian.

"Pesakit itu meninggal dunia bukan akibat terhidu asap kerana semua mesin sokongan kekal berfungsi sepanjang proses pemindahan," katanya seperti dipetik Agensi Berita Antara.

Ahmad Suryawan berkata pesakit yang menggunakan ventilator terus menerima bantuan perubatan ketika dipindahkan dari kawasan terjejas, sekali gus membolehkan keadaan mereka terus dipantau sepanjang proses berkenaan.

Pihak hospital masih menunggu hasil siasatan Agensi Bomba dan Penyelamat Surabaya serta polis tempatan bagi mengenal pasti punca asap yang dikesan di tingkat lima bangunan itu, katanya.

Sementara itu, Pengarah hospital Cita Rosita Sigit Prakoeswa berkata empat kakitangannya mengalami sesak nafas selepas terdedah kepada asap ketika membantu operasi pemindahan, walaupun memakai peralatan perlindungan.

Beliau berkata hospital berkenaan melaksanakan pemeriksaan keselamatan kebakaran dan simulasi kecemasan secara berkala sebagai sebahagian daripada langkah mitigasi. - ©BERNAMA



DPMM FC TERLEPAS 3 MATA



SEKITAR perlawanan antara DPMM FC dan Penang FC dalam saingan Liga Super Malaysia yang berlangsung di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Tangkap Layar RTBGo, Malaysian Football League

PULAU PINANG, Jumaat, 15 Mei. - Pasukan DPMM FC terpaksa akur setelah kalah tipis 2 - 1 kepada Penang FC dalam aksi Liga Super Malaysia yang berlangsung di Stadium Bandaraya, Pulau

Pinang, petang tadi. Pada separuh masa pertama menyaksikan pasukan tuan rumah menguasai pergerakan permainan dengan menghasilkan beberapa

percubaan.

Penang FC cuba membuka tirai jaringan pada minit ke-34 menerusi percubaan kapten pasukan, Stefano Brundo tetapi berjaya ditepis keluar oleh penjaga gol pasukan DPMM FC, Muhammad Haimie Nyaring.

Pada minit ke-41, DPMM FC kemudiannya memulakan perlawanan dengan langkah positif yang

membuahkan hasil menerusi jaringan Jordan Murray hasil bantuan Ibrahim Sulley untuk meletakkan DPMM FC di hadapan 1 - 0 sebelum tamat babak pertama.

Babak kedua perlawanan pula, pasukan tuan rumah meningkatkan tekanan dan berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-58 melalui jaringan Dylan Wenzel-Halls hasil hantaran Firdaus Saiyadi.

Beberapa minit sebelum tamat perlawanan, Penang FC berjaya meraih gol kemenangan pada minit ke-83 menerusi Stefano Brundo selepas menerima umpanan daripada Adib Ra'op, sekali gus memastikan tiga mata penuh menjadi milik pasukan tuan rumah.

Keputusan perlawanan kekal 2 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Sepanjang perlawanan, Penang FC lebih menguasai permainan dengan catatan 63 peratus penguasaan bola berbanding 37 peratus milik DPMM FC.

Pasukan tuan rumah turut merekodkan 17 percubaan dengan lapan daripadanya tepat ke sasaran, manakala DPMM FC mencatat 10 percubaan dan lima tepat ke sasaran.

Kekalahan tersebut menyaksikan DPMM FC pulang tanpa mata dalam saingan liga, menduduki tempat ke-10 dengan 23 mata keseluruhan.

Memperkuhkan prestasi pemain, menilai tahap kesiapsiagaan pasukan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Badminton YBs

LABUAN, Khamis, 14 Mei. - Gabungan Pasukan Badminton YBs (Yang Bersara) dan PVT (Pencen Veteran Team) dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Mix Veteran BC, Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di Dewan DSBC, Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Pasukan YBs diketuai oleh Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku pengerusi dan

dibantu oleh Pengiran Haji Yunos bin Pengiran Haji Mohd. Salleh selaku penolong pengerusi.

Manakala urusan perlawanan dibuat oleh Awang Bahrin bin Haji Baha selaku Setiausaha YBs dan PVT serta Pasukan Mix Veteran BC dari Wilayah Persekutuan Labuan diselaraskan oleh Awang Jamain bin Dahlan.

Ketua dan Pengerusi YBs, Awang Haji Abu Bakar menjelaskan bahawa langkah berterusan daripada Pasukan Badminton YBs NBD yang

pemain-pemainnya berusia 60 tahun ke atas masih lagi mempunyai 'Semangat Kekitaan Kental' (Setia Kawan) dengan membawa bergabung Pasukan Badminton PVT yang berusia 40-60 tahun.

Dengan 'Semangat Kekitaan Kental' (Setia Kawan) maka akan timbul semangat bekerjasama, bantu membantu dan persaudaraan dan persahabatan yang bersemangat, yang erat dalam pasukan badminton.

la mencerminkan perasaan *kitani* di mana setiap individu berasa terikat dengan ikhlas,

bertanggung jawab dan mempunyai persefahaman bersama demi kesejahteraan yang bersatu padu dan bekerjasama sepanjang masa.

Selain itu perlawanan persahabatan ini juga dapat mengeratkan lagi silaturahim antara pemain badminton dan meningkatkan kualiti permainan masing-masing, memantapkan kualiti fizikal dan mental sepanjang perlawanan.

Dengan sering mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan di luar negara,

pemain-pemain YBs dapat mengasah tali raket badminton dengan mempertingkatkan atau mempertajamkan kemahiran dan keupayaan permainan badminton hingga beroleh kemenangan dengan bersemangat waja.

Perlawanan persahabatan ini bukan sahaja menjadi medan persaingan sihat, malah berperanan sebagai platform penting dalam memperkuhkan prestasi pemain, menilai tahap kesiapsiagaan pasukan serta mengeratkan hubungan silaturahim yang mantap.



SESI bergambar ramai semasa perlawanan persahabatan di Dewan DSBC, Wilayah Persekutuan Labuan.

Tahukah Awda

JARAK bulan ke bumi purata adalah lebih kurang 384,000km dan mempunyai garis pusat 3,476km. Putaran bulan dan edaran bulan mengelilingi bumi mengambil masa 27 hari, 7 jam dan 43 minit (27.7321527 hari). Bulan mengambil masa purata 29.5 hari untuk kembali ke titik yang sama di atas jalur laluan dengan merujuk kepada matahari kerana pergerakan bumi mengelilingi matahari; ini dipanggil sebagai bulan sinodis (*synodic month*).

SUMBER : Buku Perintis Haluan, Jabatan Ukur

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MANFAATKAN 10 HARI PERTAMA BULAN ZULHIJAH DENGAN SEBAIKNYA